

DOKUMENTASI, ANALISIS DAN PENGGUNAAN HADITH: SATU PENILAIAN KEATAS REKABENTUK MASJID MODEN DI MALAYSIA

N. Utaberta*, H. Othman, M. Surat
Jabatan Seni Bina, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina
Universiti Kebangsaan Malaysia

*Penulis bertanggungjawab: nangkula_arch@yahoo.com

Abstract

Kertas kerja ini cuba untuk menyusun dan menganalisa hadith dalam memberi pendekatan pilihan untuk rekabentuk masjid moden di Malaysia. Kajian dilakukan dengan membuat pengumpulan Hadith-hadith himpunan Bukhari dan Muslim yang kemudian dihuraikan dan dijadikan kerangka rujukan bagi menangani pelbagai permasalahan dan kecelaruan rekabentuk masjid yang terjadi di Malaysia. Kajian ini terbahagi kepada dua bahagian utama. Bahagian pertama mengandungi kajian mengenai isu dan permasalahan rekabentuk masjid di Malaysia. Bahagian dua pula terdiri daripada dokumentasi dan analisis terhadap himpunan Hadith-hadith berkenaan dalam menyingkapi pelbagai isu dan permasalahan rekabentuk masjid di Malaysia dan dunia. Diharapkan melalui kajian ini kita dapat memahami penggunaan hadith sebagai salah satu pendekatan utama dan menjadi kerangka pertimbangan dalam penghasilan rekabentuk masjid moden di Malaysia untuk masa kini dan masa hadapan.

Kata Kunci: Hadith, Reka Bentuk Masjid Moden, Seni Bina Islam.

This paper tries to do a documentation and analysis based on the second source of Islam which is Prophetic Tradition in providing an alternative approach for the design of modern mosques in Malaysia. This research is done by gathering traditions from the compilation of al-Bukhari and Muslim which are then being interpreted and used as a framework to answer different type of problem, issue, crisis in mosque design in Malaysia. The study is divided into two main sections. The first section contains issue and problem in mosque design in Malaysia while the second section try to analyze the compilation of Hadith in attempt to view issue and problems in mosque design in Malaysia. It is expected that through this paper we can understand the use of Prophetic traditions as one of the main foundations and framework for the present modern mosque designs in Malaysia and in the future.

Keyword: Prophet's tradition, Modern mosque design, Islamic architecture.

Pendahuluan Dan Senario Pendekatan Reka Bentuk Masjid

Dalam kertas kerjanya yang berjudul *Islam, Architecture and Globalisation: Problematic and Prospects for Research in Indonesia*, Darwis Khudori membahagikan pelbagai pemikiran, diskusi dan penulisan tentang Seni Bina Islam dan Seni Bina Masjid kepada dua persepsi utama. Persepsi yang pertama disebutnya sebagai *Critical Perception* sementara yang kedua disebut sebagai *Ideological Perception*. *Critical perception* didefinisikan sebagai sebuah persepsi kritis berdasarkan pemikiran yang berasaskan pendekatan ilmiah, rasionali dan diskusi intelektual, sebagaimana pendapat beliau yang menyebut:

"We can call this perception "critical" because it is based on scientific methods, accumulation of knowledge and intellectual reflection (developed constantly and progressively in the west)".¹ Selanjutnya beliau mengkategorikan institusi seperti *Aga Khan Award for Architecture* atau ahli fikir Seni Bina Islam dan arkitek seperti Oleg Grabar dan Mohammed Arkoun dalam kategori ini. Untuk gerakan *Aga Khan* beliau

¹ Lihat Darwis Khudori, *Critical Perception* sementara yang kedua disebut sebagai *Ideological Perception*, kertas kerja pada *The Third International Symposium on Islamic Expression in Indonesian Architecture*, "Tectonic Dimension in Islamic Architectural Tradition in Indonesia", hal 60.

membahagikannya kepada tiga buah karakter. Karakter yang pertama adalah keterbukaan gerakan ini terhadap ahli dan ahli fikir islam (Muslim) dan bukan Islam (Non Muslim) seperti Kenzo Tange, Charles Jencks, Robert Venturi disamping tokoh-tokoh Muslim seperti Seyyed Hossein Nasr dan Muhammad Fazlurrahman. Karakter yang kedua adalah bahawa gerakan ini berdasarkan pemikirannya pada sebuah penjelasan intelektual yang terperinci. Perkara ini terhasil melalui kajian daripada pelbagai disiplin ilmu. Karakter ketiga yang beliau sebutkan sebagai karakter yang "pemalu". Gerakan Aga Khan tidak berusaha menjadi sebuah sekolah pemikiran, namun ia secara tidak rasmi merupakan forum untuk melakukan refleksi, diskusi, pertukaran idea dan pengalaman serta penyelidikan bersama bagi pencarian penyelesaian terhadap pelbagai permasalahan kaum Muslimin.

Persepsi yang kedua iaitu *ideological Perception* atau dalam bahasa yang lain Darwis menyebutnya sebagai *Arabo-Islamist*, didefinisikan sebagai sebuah persepsi ideologis yang didasarkan kepada tiga alasan. Alasan yang pertama kerana persepsi ini mengakui dan meyakini keberadaan dari Seni Bina yang Islami dan perlunya pengembangan dan pembangunan untuk melawan dominasi Barat. Alasan yang kedua adalah kerana persepsi ini meyakini bahawa Seni Bina Islam berasal dari nilai-nilai dan prinsip dasar Islam yang diturunkan dari Al-Qur'an dan hadith, sementara alasan yang ketiga adalah kenyataan bahwa kelompok ini dibentuk dalam sebuah kerangka politik dan penajaan oleh Arab Saudi. Walaupun dalam pelbagai penjelasannya Darwis dilihat lebih memihak kepada persepsi yang pertama sekaligus mengkritik pendekatan yang kedua, namun klasifikasi yang beliau lakukan sangat penting bagi sebuah pemahaman dasar atau identifikasi terhadap pemikiran dan falsafah yang berkembang dalam Seni Bina Islam.

Ismail Serageldin ketika membincangkan tentang perancangan masjid sebagai salah satu elemen utama dalam Seni Bina Islam telah mengklasifikasikan pendekatan yang digunakan kepada lima kategori iaitu pendekatan popular (vernacular), tradisional, populis, adaptif-modern dan yang terakhir adalah pendekatan moden.² Sementara dari segi ruang yang mencakupi perkhidmatannya, beliau membahagi perancangan masjid kepada empat bahagian iaitu *Major landmark structure, Community Center Complex, Small Local Mosque* dan *Zawiyas*. Melalui idea pembahagian dan klasifikasi tersebut, menurut beliau akan membantu secara lebih mudah mengenalpasti karakter dan cakupan dari sebuah masjid.

Sementara Mohammad Al-Asad dalam pandangannya kemudian menyimpulkan klasifikasi tersebut kepada dua kategori saja, sebagaimana dijelaskan oleh beliau seperti berikut:

*"...I suggest placing these categories within an even simpler system by dividing approaches to contemporary mosque into two groups: one that accept historical precedents as main source of inspiration for generation of form and one that does not."*³

Kemas Madani pada penulisan yang lain berusaha menterjemahkan kembali fungsi masjid dan membahagikan masjid kepada dua jenis iaitu masjid sebagai elemen lingkungan dan masjid sebagai pusat aktiviti dan tempat beribadat.⁴

Hasan-Uddin Khan dalam tulisannya tentang masjid membuat lima klasifikasi sebagai elemen utama masjid dalam Seni Bina Islam.⁵ Klasifikasi tersebut dilakukan berdasarkan kategori pelanggan yang meminta masjid tersebut. Klasifikasi tersebut membahagi masjid kepada Pelanggan Negara (atau pemerintah negara), Penguasa Tempatan, Institusi - institusi, Masyarakat setempat dan masyarakat awam sebagai pelanggan mereka. Oleh kerana ianya melibatkan dokumentasi terhadap banyak masjid di pelbagai negara maka

2 Lihat kertas kerja beliau: Ismail Serageldin, *Contemporary Expressions of Islam in Buildings: The Religion and Secular*, pada Seminar Internasional, Aga Khan Awards for Architecture, Jakarta & Yogyakarta 15-19 Oktober 1990.

³ Lihat prosiding Seminar Internasional, Aga Khan Awards for Architecture, Jakarta & Yogyakarta 15-19 Oktober 1990, hal 28.

⁴ Lihat prosiding Seminar Internasional, Aga Khan Awards for Architecture, Jakarta & Yogyakarta 15-19 Oktober 1990, hal 34.

⁵ Lihat kertas kerja beliau: Hassan-Uddin Khan, "The Overview of the Mosque, an Overview and Design Direction" pada Seminar Internasional, Aga Khan Awards for Architecture, Jakarta & Yogyakarta 15-19 Oktober 1990, hal 109-126, lihat juga pembahagian menurut karakteristik kawasan pada buku beliau: *The Mosque: History, Architectural Development & Regional Diversity* (2002), New York: Thames & Hudson

klasifikasi ini menjadi sangat penting bagi perbendaharaan bahasa kita tentang reka bentuk masjid.

Kertas kerja ini cuba untuk menyusun semula dan menganalisis hadith dalam memberikan pendekatan pilihan untuk reka bentuk masjid moden di Malaysia. Kajian dilakukan dengan membuat pengumpulan Hadith-hadith, himpunan Bukhari dan Muslim yang kemudian dihuraikan dan dijadikan kerangka rujukan bagi menangani pelbagai permasalahan dan kecelaruan rekabentuk masjid yang terjadi di Malaysia. Kajian ini terbahagi kepada dua bahagian utama. Bahagian pertama mengandungi kajian mengenai isu dan permasalahan rekabentuk masjid di Malaysia. Bahagian dua pula terdiri daripada dokumentasi dan analisis terhadap himpunan hadith-hadith berkenaan dalam menyingkapi pelbagai isu dan permasalahan rekabentuk masjid di Malaysia dan dunia. Diharapkan melalui kajian dalam kertas kerja ini kita dapat memahami penggunaan hadith sebagai salah satu pendekatan utama dan kerangka pertimbangan dalam penghasilan rekabentuk masjid moden di Malaysia untuk masa kini dan masa hadapan.

Permasalahan Rekabentuk Masjid Moden Di Malaysia

Penulisan ini membincangkan permasalahan dalam rekabentuk masjid yang terdapat di Malaysia. Perbincangan ini terbahagi kepada enam bahagian iaitu permasalahan identiti dan rupa bentuk, permasalahan kedudukan dan lokasi masjid, permasalahan dalam pengkhususan dan perancangan ruang, permasalahan jemaah dan pengguna terutamanya bagi golongan wanita, kanak-kanak, remaja dan juga orang kurang upaya, permasalahan dalam keselamatan dan kawasan masjid, permasalahan dalam pengurusan dan akhir sekali berkaitan ekonomi masjid. Kajian ini diharap dapat mengenalpasti permasalahan yang terdapat di kebanyakan masjid di Malaysia.

Permasalahan Identiti Dan Rupa Bentuk Masjid Di Malaysia

Jika diamati dengan teliti pada kebanyakan masjid yang ada di Malaysia khususnya, kebanyakan daripadanya mempunyai rupa bentuk luaran yang hampir sama iaitu mempunyai kubah besar bercorak, menara, hiasan dalaman berukir dan sebagainya. Rupa bentuk sedemikian merupakan satu peniruan kepada reka bentuk masjid Islam terdahulu yang telah melalui zaman kegemilangannya suatu ketika dahulu. Umpamanya dapat dilihat pada rekabentuk Masjid Wilayah, Masjid Putra di Putrajaya, Masjid Sultan Salahuddin di Shah Alam dan Masjid UTM di Johor.

Peniruan reka bentuk masjid terdahulu dilihat sebagai satu krisis identiti yang berpunca daripada perasaan rendah diri terhadap kehebatan reka bentuk lampau yang gemilang. Hasil reka bentuk masjid terdahulu digunapakai dan dianggap mewakili satu bahasa seni bina Islam yang rasmi, terpilih dan piawai bagi menggambarkan seni bina Islam. Permasalahan tersebut dilihat oleh Muhammad Tajuddin (2003:2) sebagai satu kesilapan yang berpunca daripada sifat dalaman sesuatu bangsa yang dikatakan mengalami '*Middle Eastern Inferiority Complex*'. Pemikiran sedemikian telah menganggap bahawa binaan masjid haruslah mencontohi binaan tamadun masyarakat di Timur Tengah yang merupakan tempat lahirnya agama Islam. Kesilapan tersebut jelas diperkatakan oleh Muhammad Tajuddin (2003:2) seperti berikut:

The attitude thus prevailing seems to indicate that Muslims in Malaysia have an inferiority complex against the Middle East, the birthplace of Islam. I have no reservation for saying so because neither the Qur'an nor hadiths of the Prophet Muhammad (peace be upon him) make any mention as to the required expression of the mosque to be from its birth place.

Masyarakat Malaysia sepatutnya berbangga dengan identiti dan penampilan seni bina yang telah diwarisi oleh generasi terdahulu seperti yang dapat dilihat pada masjid Tradisional Kampung Laut di Kelantan dan Masjid Negara di Kuala Lumpur. Masjid Tradisional Kampung Laut telah dibina ratusan tahun dahulu dengan teknologi zaman tersebut yang ditampilkan bersama dengan imej binaan setempat seperti penggunaan

bumbung berbentuk piramid, lantai yang tinggi dari aras tanah dan sebagainya. Begitu juga dengan rekabentuk Masjid Negara yang mempunyai ciri-ciri binaan setempat yang dapat dilihat pada penggunaan serambi, susun atur ruang yang menggalakkan pengaliran udara yang baik dibantu dengan penggunaan teknologi pada masa ia dibina. Kesan daripada peniruan-peniruan tersebut menyebabkan negara kita mengalami masalah kekeliruan identiti yang serius serta member kesan kepada perkembangan imej seni bina tempatan yang terbantut akibat kemasukan elemen-elemen seni bina luar yang asing di negara ini. Sehubungan dengan itu, penggunaan elemen seni bina tempatan perlu ditekankan dalam setiap pembinaan masjid.

Permasalahan Kedudukan Dan Lokasi Masjid Di Malaysia

Perkara utama yang dipertimbangkan oleh para jemaah untuk ke masjid adalah jarak diantara kedudukan masjid dengan lokasinya yang mudah dikunjungi. Kebanyakan masjid pada hari ini terutamanya yang terletak di bandar dibina di tempat yang jauh dari tempat tumpuan orang ramai atau kediaman. Masjid yang dibina jauh dari tempat kediaman memerlukan jemaah menaiki kenderaan untuk ke masjid. Situasi ini dilihat pada masjid Sultan Abdul Samad atau lebih dikenali dengan nama Masjid KLIA yang dibina jauh dari tumpuan masyarakat dan penduduk sekitar, sebaliknya ia dibina berhampiran dengan lebuh raya.

Bagi masjid yang terletak di dalam kawasan kampus umpamanya masjid Universiti Kebangsaan Malaysia, kedudukannya yang strategik berhampiran dengan fakulti dan juga jalan utama kampus memberi kelebihan apabila sentiasa menjadi tumpuan pelajar untuk berkunjung bagi mengulangkaji pelajaran dan juga beristirahat selain daripada untuk beribadat.

Selain pelajar dan kakitangan, Masjid UKM turut dihadiri oleh orang awam serta penduduk sekitar terutamanya pada hari Jumaat dan hari-hari perayaan. Lokasi masjid yang bersesuaian memberi kelebihan daripada sudut penyertaan orang ramai dalam apa jua aktiviti yang dilakukan oleh pihak pengurusan masjid.

Permasalahan Dalam Pengkhususan Dan Perancangan Ruang

Perancangan ruang yang teliti dan teratur perlu ditekankan dalam pembinaan sesebuah masjid terutamanya berkaitan dengan pemisahan ruang diantara jemaah lelaki dan perempuan bagi semua aktiviti sama ada semasa solat, mengambil wudhuk ataupun penggunaan tandas. Muhammad Tajuddin (1999:138) menegaskan bahawa ruang solat khas bagi perempuan perlu disediakan serta direkabentuk khusus bagi perempuan mengikut keperluannya terutama bagi mereka yang kurang upaya, bersama anak kecil dan sebagainya. Begitu juga dengan kedudukan tempat wudhuk bagi perempuan sewajarnya diletak bersama dengan ruang solat perempuan bagi memudahkan para wanita serta memberi kelonggaran kepada mereka untuk tidak berhijab di dalam kawasan tersebut bagi tujuan pelbagai aktiviti.

Bagi masjid Universiti Kebangsaan Malaysia di Bangi, isu ini jelas dilihat menyukarkan para wanita yang bersama anak kecil terutamanya apabila kedudukan tempat wudhuk yang terletak berasingan dengan tandas dan juga jauh dengan ruang solat. Jemaah wanita perlu melalui koridor dan melintasi bilik mandi jenazah untuk ke bilik wudhuk, begitu juga dengan tandas dimana jemaah wanita perlu melalui ruang koridor yang turut digunakan oleh jemaah lelaki terlebih dahulu untuk ke tandas.

Isu tandas turut menjadi perbahasan oleh Muhammad Tajuddin (1999:139) apabila terdapat pendapat yang menyatakan bahawa kedudukan tandas tidak boleh sebumbung dengan ruang solat. Permasalahan ini dilihat kemungkinan bagi mengelakkan timbulnya pelbagai bau yang tidak menyenangkan. Sehubungan dengan itu, kedudukan tandas perlu dirancang sebaiknya serta mengikut pengaliran udara yang betul bagi mengelakkan bau yang tidak diingini memasuki ruang solat.

Permasalahan Jemaah Dan Pengguna

Bahagian ini menceritakan pelbagai permasalahan yang berkaitan dengan jemaah dan pengguna masjid di Malaysia yang. Kajian ini tertumpu kepada tiga golongan yang kurang diberi perhatian dalam perancangan ruang di dalam masjid di Malaysia iaitu golongan orang kurang upaya, golongan remaja dan kanak-kanak. Kajian ini diharap dapat memberi kefahaman tentang kepentingan dalam menyediakan keperluan kepada ketiga-tiga golongan tersebut. Ini kerana rekabentuk sesebuah masjid dilihat sewajarnya memberi keselesaan dan keperluan kepada semua lapisan masyarakat tersebut tanpa wujudnya diskriminasi sejauh mana mereka itu masih digelar sebagai Muslim ataupun Muslimah.

Orang kurang upaya juga berhak untuk memakmurkan masjid lantas kemudahan-kemudahan untuk mereka hendaklah disediakan serta mereka juga perlu dibantu oleh orang ramai. Terdapat sebuah hadis yang menceritakan bahawa orang kurang upaya juga tidak terkecuali dalam menunaikan solat berjemaah di masjid selagi rumahnya itu dapat di dengari suara azan seperti hadis Shahih Muslim berikut (321:194):

Diriwayatkan dari Abu Hurairah r.a.: Seorang laki-laki buta pernah datang kepada Rasulullah s.a.w. dan bertanya, "Wahai Rasulullah, saya tidak punya penuntun untuk pergi ke masjid." Orang itu minta keringanan kepada Rasulullah s.a.w. untuk mengerjakan shalat di rumahnya saja. Beliau membolehkannya. Setelah pulang, orang tersebut dipanggil lagi dan beliau bertanya, "Apakah kamu mendengar seruan shalat (azan)?" Orang itu menjawab, "Ya." Beliau bersabda, "Penuhilah panggilan itu (pergilah ke masjid)!".

Hadis diatas jelas menyatakan kewajipan keatas orang yang buta untuk datang berjemaah di masjid. Sehubungan dengan itu Abu Saif (2009) berpendapat kemudahan yang terdapat di masjid haruslah mengambil kira golongan kurang upaya tersebut bagi memudahkan pergerakan mereka. Bagi masjid-masjid besar dan bertingkat, sudah tentu persoalan menyediakan lif, laluan kerusi roda dan yang seumpama dengannya diberi keutamaan seawal penyediaan pelan pembinaan.

Masjid Universiti Kebangsaan Malaysia juga didapati tiada pengkhususan untuk petak orang kurang upaya di tempat meletak kenderaan. Selain itu juga di dapati laluan masuk dari ruang meletak kenderaan ke dalam masjid juga tidak mesra untuk pengguna kurang upaya dimana tanjakan tidak disediakan pada semua tempat yang mempunyai anak tangga.

Remaja merupakan golongan pertengahan diantara kanak-kanak dan dewasa, kedudukan diantara dua golongan tersebut menjadikan mereka sentiasa aktif, bersifat ingin tahu serta agresif. Oleh itu pemerhatian dan didikan yang sempurna perlu diterapkan dalam diri mereka dengan menggalakkan mereka berjinak-jinak dengan masjid. Golongan ini juga merupakan pelapis kepada generasi akan datang dalam mencorak sesebuah masyarakat yang berciri keislaman dengan menjadikan masjid sebagai pengantara kepada misi tersebut.

Untuk mendekati golongan ini dengan masjid, perlu diwujudkan pelbagai kemudahan yang diperlukan untuk aktiviti yang menjadi kegemaran mereka sebagai satu umpan untuk menarik minat mereka terhadap masjid seperti yang dicadangkan oleh Abu Saif (2009) di dalam laman sesawangnya seperti berikut;

...Seterusnya, adalah pada mengimbangkan di antara kuliah-kuliah yang dekat dengan selera orang tua, dengan kuliah-kuliah yang menawan hati anak muda. Sediakan juga perkhidmatan yang anak muda 'mahu', sebagai 'umpan' untuk mereka diberikan apa yang mereka 'perlu'. Tuisyen, gelanggang sepakraga dan khidmat kaunseling adalah di antara perkhidmatan yang boleh dipertimbangkan...

Kewujudan pelbagai kemudahan yang diperlukan oleh golongan remaja untuk aktiviti-aktiviti kegemaran mereka seperti bersukan dan sebagainya menjadikan mereka terbuka hati untuk mendampingi masjid. Secara tidak langsung golongan ini akan berminat untuk menyertai pelbagai aktiviti lain yang bersifat keilmuan disebabkan telah wujudnya rasa kasih sayang dan cintakan masjid yang telah mula tersemai. Masjid juga sewajarnya bersifat mesra dan ramah dengan kewujudan golongan tua dan dewasa yang bersifat positif dan penyayang terhadap golongan remaja. Sifat dan pekerti sedemikian juga dilihat satu kuasa luar biasa yang mampu menarik mereka kepada masjid seperti yang diperkatakan oleh Abu Saif (2009) seperti berikut;

Permulaan kepada langkah ini, adalah pada membentuk sikap positif orang-orang tua yang berada di masjid untuk menyapa dan bertanya khabar kepada anak-anak muda yang berkunjung. Kuasa kasih sayang masih belum mampu ditandingi oleh mana-mana kuasa lain. Rasa empati yang diperolehi oleh anak muda daripada sapaan orang tua berpangkat abang, bapa dan datuk kepada mereka, adalah sesuatu yang mudah diperolehi di gereja, tetapi jarang di masjid. Suatu tampanan buat kita semua.

Jika di gereja, paderi akan berdiri di pintu mengucapkan penghargaan kepada satu demi satu 'jemaah'nya yang hadir. Di masjid kita, bisa sahaja orang yang keluar masuk masjid tidak pernah disedari oleh warga tetap masjid itu bermula daripada imamnya hinggalah kepada jemaah di saf.

Masjid yang mesra golongan remaja bukan sahaja bermula dengan kemudahan yang disediakan tetapi juga sifat mesra dan ambil berat para jemaah yang lain terhadap mereka semasa bersua di masjid tersebut.

Di masjid Universiti Kebangsaan Malaysia di dapati tiada kemudahan khusus untuk aktiviti golongan remaja kecuali ruang meletak kenderaan yang luas dan mungkin bersesuaian dengan aktiviti bola keranjang dan juga permainan badminton untuk riadah pada waktu petang. Pada bahagian utara masjid ini juga disediakan beberapa buah pondok tempat berteduh dan juga bersesuaian untuk bersantai bersama keluarga di mana rimbunan pokok-pokok meneduhi kawasan sekitar yang menghijau ditumbuhi rumput.

Kanak-kanak merupakan pelapis kepada generasi akan datang yang menentukan corak kehidupan dan masa depan sesebuah masyarakat. Sehubungan dengan itu, masyarakat perlu mengubah pandangan mereka terhadap kanak-kanak daripada seseorang yang tidak mengerti apa sahaja kepada seseorang yang perlu diberi perhatian sewajarnya dan pendedahan yang seawal mungkin berkenaan isu keagamaan serta fungsi masjid khususnya. Untuk mengalakkan dan mendedahkan golongan kanak-kanak kepada masjid telah dicadangkan beberapa perkara oleh Abu Saif (2009) seperti berikut;

Ibu bapa harus diperingatkan tentang amalan sahabat yang tatkala membawa anak-anak mereka ke masjid, mereka juga membawa permainan agar anak-anak itu tadi boleh disibukkan dengan permainan tersebut tatkala solat atau kuliah pengajian berlangsung.”

“Adalah tidak masuk akal untuk ibu bapa, AJK Masjid atau penceramah untuk meletakkan 'expectation' bahawa anak-anak boleh duduk diam mendengar ceramah seperti ibu bapa mereka. Justeru ibu bapa perlu mengambil inisiatif untuk membantu anak-anak duduk di dalam suasana masjid dengan ditemani oleh permainan-permainan yang sesuai (trompet semestinya tiada dalam senarai), atau buku-buku mewarna, bergantung kepada kecenderungan dan minat anak masing-masing.

“Manakala di pihak masjid pula, andai berkapasiti, boleh diusahakan bilik permainan yang sesuai dan selamat untuk anak-anak yang mempunyai pembesar suara untuk ibu-ibu yang meneman anak di bilik itu dapat mengikuti kuliah yang disampaikan. Padang permainan mini juga bukanlah suatu alternatif yang keterlaluan untuk dipertimbangkan.

Saranan dan cadangan yang dinyatakan oleh Abu Saif seperti diatas bukanlah sesuatu yang mustahil untuk diaplikasikan bagi menggalakkan penyertaan golongan kanak-kanak dalam sesuatu aktiviti di masjid, hanya sedikit perubahan dan pengorbanan yang perlu dilakukan bagi perubahan masa hadapan.

Permasalahan Keselamatan Dan Kawasan Masjid

Masjid yang berjaya dalam aktiviti kemasyarakatan dan ekonominya sudah pasti menggalakkan kehadiran orang ramai tanpa mengira waktu dan memerlukan masjid tersebut beroperasi setiap masa iaitu selama dua puluh empat jam. Masalah yang akan timbul di sini ini ialah berkaitan keselamatan masjid itu sendiri. Keselamatan tersebut termasuklah kecurian peralatan masjid, wang tabung hasil kutipan orang ramai dan sebagainya.

Berhubung dengan isu tersebut, masjid memerlukan pengawasan selama dua puluh empat jam daripada pihak pengurusan bagi mengawasi keselamatan masjid tersebut selain daripada bertugas sebagai 'penyambut tetamu' di masjid tersebut sebagaimana situasi kedatangan musafir bagi menumpang berteduh ataupun untuk menyewa bilik-bilik di masjid bagi tujuan bermalam dan sebagainya. Hal ini dilihat dapat menjaga hak masjid serta menggalakkan kehadiran tetamu ke masjid tersebut sekaligus menjana kepada pendapatan masjid tersebut. Terdapat juga situasi dimana masjid dipagar dan dikunci semasa bukan waktu solat. Kejadian ini dilihat berlaku pada banyak masjid-masjid di Malaysia disebabkan tiada perhatian yang serius terhadap masjid oleh ahli jawatankuasa masjid tersebut serta masyarakat disekitarnya. Oleh itu timbul juga persoalan akan keperluan menyediakan pagar bagi sesebuah masjid.

Persoalan ini dapat dijawab dengan melihat kepada fungsi masjid itu sendiri yang beroperasi bagi pembangunan masyarakat tanpa mengira usia dan juga waktu sebagaimana yang telah berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w., sehubungan dengan itu dilihat keperluan pagar bagi sesebuah masjid tidak diperlukan kerana timbunya rasa perbezaan ruang yang menyebabkan rasa ketidakselesaan kepada para pengunjung. Sehubungan dengan itu, pagar masjid boleh diganti dengan pelbagai rekabentuk simbolik lain yang lebih mesra seperti menanam pokok secara teratur dan kemas bagi menjelaskan kawasan-kawasan masjid.

Bagi harta-harta kepunyaan masjid yang berharga seharusnya disimpan di tempat khas setelah digunapakai. Oleh itu penyediaan bilik bagi simpanan barang-barang berharga perlu disediakan serta mencapai piawai keselamatan tertentu bagi menjamin keberkesannya. Sehubungan dengan itu, hak masjid dapat dijaga sebaiknya bagi keperluan masyarakat terutamanya orang Islam.

Permasalahan Ekonomi Dan Pengurusan

Sesebuah masjid memerlukan penjagaan dan pengurusan yang sewajarnya bagi mengekalkan keberkesanan fungsinya, menjaga kebersihan, menguruskan harta masjid dan sebagainya. Pengurusan dan penjagaan tersebut memerlukan pembiayaan dan kewangan yang setimpal dengan pelaksanaan tugas-tugas tersebut. Sumber kewangan sesebuah masjid biasanya diperolehi setiap minggu iaitu dermaan daripada para jemaah di hari Jumaat. Namun begitu pendapatan yang diperolehi tidak mencukupi untuk pembiayaan kos pengurusan dan penjagaan masjid tersebut.

Sehubungan dengan itu, menurut Faizal Ridzuan (2009:10) Dato' Seri Mohd Najid Tun Razak telah melontarkan satu idea yang cukup bernas semasa menyandang jawatan Timbalan Perdana Menteri dengan mencadangkan agar masjid dijadikan pusat menjana ekonomi orang Islam melalui perbagai program yang berorientasikan perniagaan daripada sekadar berfungsi sebagai tempat solat berjemaah dan mendengar ceramah. Diantara cadangan perniagaan oleh beliau ialah restoran, kelas tuisyen, kedai gunting rambut, pajak gadai Islam (Ar-Rahnu) dan mikro kredit.

Menurut Faizal Ridzuan (2009:10) lagi, idea Dato' Seri Mohd Najid Tun Razak suatu ketika dahulu telah disambut baik oleh sebilangan pengurusan masjid di Malaysia dengan menjalankan pelbagai aktiviti yang berorientasikan perniagaan bagi memantapkan kewangan masjid. Diantara masjid tersebut ialah, Masjid Al-Qhufran yang terletak di taman Tun Doktor Ismail di Kuala Lumpur. Sum Sumber pendapatan masjid ini diperolehi menerusi perniagaan yang diusahakan sejak dinaiktaraf pada tahun 2004. Diantara sumber pendapatan masjid tersebut ialah kamar musafir, dewan persidangan bilik Mesyuarat, Dewan Jamuan, Dewan Akad Nikah, Café Al-Ghufran, penyewaan tanah untuk antena komunikasi serta kelas Fardu Ain dan Agama.

Faizal Ridzuan (2009:14) juga mendapati untuk berada pada tahap tersebut, pengurusan masjid itu sendiri hendaklah terdiri daripada seseorang yang berpengalaman dalam pengurusan dan pentadbiran. Formula ini merupakan rahsia kepada kejayaan Masjid Al-Ghufran dalam pengurusan sumber pendapat seperti yang dikatakan oleh pengerusi masjid tersebut iaitu Haji Hassanuddin Ali .

Selain daripada aktiviti perniagaan yang dijalankan di masjid, terdapat juga cadangan dan saranan agar mendokumentasikan teks khutbah Jumaat yang disampaikan setiap minggu. Teks khutbah Jumaat tersebut didokumen lalu dibukukan menjadi beberapa jilid. Buku tersebut dijual kepada masyarakat bagi menyampaikan kandungan khutbah tersebut ke segenap pelusuk masyarakat Islam dan menyumbang pendapatan kepada masjid tersebut.

Menurut Salawati Haris, terdapat enam strategi yang boleh digunapakai oleh pihak pengurusan masjid bagi menjanakan pendapatan masjid. Diantaranya ialah dengan mengadakan Saham Wakaf. Strategi tersebut ialah dengan menyewakan harta yang dimiliki oleh masjid tersebut kepada orang awam bagi kegiatan-kegiatan tertentu seperti menjalankan premis perniagaan dan sebagainya. Bagi masjid yang tidak mempunyai harta wakaf tersebut boleh diusahakan dengan mengadakan permohonan sumbangan daripada orang ramai serta tujuannya dinyatakan secara jelas seperti contoh berikut oleh Salawati Haris (2009:16);

Sumbangan wakaf yang jelas maksudnya ialah dengan menyatakan pendapatan yang disasarkan dan untuk tujuan apa. Contohnya, di Bandar Baru Bangi mensasarkan sebanyak RM 10,000 juta hasil sewa dari dua lot kedai yang memerlukan dana sebanyak RM 1 juta . Dengan itu dilancarkan dana saham wakaf untuk membeli bangunan dengan tujuan supaya bangunan itu dapat disewa dan menjana pendapatan berterusan kepada masjid.

Menurut Salawati Haris (2009:18) lagi, cara bagi meningkatkan pendapatan masjid juga boleh diusahakan dengan mengadakan dana masjid yang mengandungi wang terkumpul daripada semua masjid-masjid di Malaysia lalu membentuk sebuah dana dibawah satu entiti yang tidak terikat seperti Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam (Yapeim). Wang dana tersebut dilaburkan lalu keuntungan tersebut dikembalikan semula kepada masjid-masjid tersebut.

Turut dicadangkan oleh Salawati Haris (2009:19) lagi ialah dengan membangunkan premis perniagaan di lokasi-lokasi strategik seperti di dalam kawasan masjid-masjid yang mempunyai ruang yang luas. Selain itu juga, pembinaan masjid memerlukan perancangan yang teliti dikawasan perbandaran baru bagi merancang kedudukannya yang strategik bagi mengerakkan ekonominya. Para ahli jawatankuasa masjid pula perlu diberi pendedahan terhadap isu ini dengan mengadakan lawatan ke mana-mana masjid yang telah berjaya sama ada di dalam atau luar negara.

Analisis Dan Penggunaan Hadis Dalam Rekabentuk Masjid

Penulisan bahagian ini bertujuan mengenalpasti nilai terkandung di dalam hadith yang boleh dijadikan panduan bagi merekabentuk sesebuah masjid. Pemilihan Hadith daripada Shahih Bukhari dan Shahih Muslim adalah kerana ketinggian taraf Hadith-hadith yang dikumpulkan berdasarkan kesahihannya. Hadith himpunan Shahih Bukhari merupakan

yang diakui paling tinggi kesahihannya diantara enam kitab-kitab Hadith yang termasyhur. Ia juga dianggap rujukan utama dalam Islam selepas kitab suci al-Qur'an. Manakala Hadith himpunan Shahih Muslim pula dianggap kedua termulia selepas Hadith himpunan Shahih Bukhari. Kesahihan sesuatu Hadith menjadi keutamaan kerana Hadith-hadith tersebut menjadi pegangan dan asas dalam menentukan fatwa, hukum dan sebagainya.

Selain itu, penulisan ini turut membincangkan masalah dalam penentuan identiti dan rupa penampilan masjid dan penyelesaiannya menurut Hadith-hadith yang shahih sebagai rujukan dan mengukuhkan perbincangan. Penulisan di dalam bab ini juga akan membincangkan pemilihan lokasi dan kedudukan masjid yang bersesuaian dengan keperluan masyarakat Islam semasa dengan merujuk kepada keperluan-keperluan masyarakat dahulu terhadap fungsi masjid dan fungsi sekitarnya yang membantu kepada perkembangan masyarakat kearah memakmurkan masjid serta memaksimumkan fungsi masjid itu sendiri. Turut menjadi tumpuan penulisan adalah isu pengguna merangkap jemaah di masjid serta keperluan-keperluan yang sewajarnya disediakan bagi memudahkan pergerakan dan kelancaran sesuatu aktiviti yang dijalankan serta keselesaan penggunaannya. Penulisan ini juga turut membincangkan isu pengkhususan ruang tertentu yang diperlukan oleh pengguna berdasarkan beberapa aktiviti yang memerlukan pengkhususan tersebut.

Identiti Dan Rupa Bentuk

Malaysia dilihat telah mengalami permasalahan identiti dalam rekabentuk masjid disebabkan kegagalan para pemikir Islam untuk menterjemahkan pendekatan yang bersesuaian dengan era moden pada hari ini ke dalam rekabentuk masjid menurut pandangan Mohamad Tajuddin (1998:17). Jika diteliti di dalam Hadith Rasulullah s.a.w. terdapat beberapa elemen yang mempunyai persamaan dalam pengertian isu berkaitan identiti ini yang boleh dijadikan panduan berguna untuk merekabentuk masjid.

Untuk menentukan imej dan gaya rupa masjid pada sesuatu tempat ianya haruslah mencerminkan menonjolkan elemen kebudayaan masyarakat tempatan tersebut. Langkah tersebut dilihat perlu diambil berat oleh semua yang terlibat dalam pembinaan sesebuah masjid dan adalah diingat bahawa membanggakan sesuatu yang bukan hak dan kepunyaan adalah sesuatu penipuan seperti yang telah dinyatakan di dalam Hadith berikut;

عن أسماء رضي الله عنها قالت: جاءت امرأة الى النبي صلى الله عليه وسلم فقالت: إن لي ضرة فهل علي جناح أن اتشبع من مال زوجي بما لم يعطني؟ فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم: "المتشبع بما لم يعط كلابس ثوبي زور".⁶

Yang bermaksud: *Diriwayatkan dari Asma' r.a.: Seorang perempuan pernah menghadap Nabi s.a.w. seraya berkata, "Saya seorang perempuan yang dimadu, berdosakah saya berpura-pura menampakkan kepuasan dengan harta suami yang tidak diberikan kepada saya?" Rasulullah s.a.w. bersabda, "Orang yang merasa puas dengan harta yang tidak diberikan kepadanya, sama halnya dengan orang yang memakai dua lembar kain palsu (tipuan)."*

Dalam pembinaan sesebuah masjid, isu penting yang turut dibincangkan adalah kos pembinaan yang tinggi sehingga kadang kala mencecah angka yang boleh dikategorikan sebagai satu pembaziran. Pembaziran sedemikian rupa mampu dielak sekiranya elemen-elemen tambahan yang berunsurkan ornomen semata-mata dan tidak berfungsi pada binaan masjid dibuang dan sebagai gantinya kesederhanaan diamalkan. Perbuatan ini bersesuaian dengan gaya hidup Islam seperti yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w. seperti yang telah dinyatakan di dalam Hadith-hadith berikut:

عن محمد بن زياد قال: سمعت ابا هريرة رضي الله عنه، ورأى رجلا يجر ازاره فجعل يضرب الارض برجله، وهو امير على البحرين، وهو يقول: جاؤ الامير قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: "ان الله لا ينظر الى من يجر ازاره بطرا".⁷

⁶ Shahih Muslim, Hadith ke- 1387, hlm. 784.

⁷ Shahih Muslim, Hadith ke- 1359, hlm. 772.

Yang bermaksud: *Diriwayatkan dari Muhammad bin Ziyad: Aku pernah mendengar Abu Hurairah berkata, "Ketika melihat seorang laki-laki, pembesar Bahrin, mengulurkan kainnya sampai menyapu tanah, aku berkata, 'pembesar datang, pembesar datang.'" Rasulullah s.a.w. bersabda, "Sesungguhnya, Allah tidak akan memandangi (merahmati) orang yang mengulurkan kainnya (menyapu tanah) dengan sombong."*

عن أنس رضي الله عنه، قال: بينما نحن جلوس مع النبي صلى الله عليه وسلم في المسجد، دخل رجل على جمل، فأناخه في المسجد ثم عقله، ثم قال: أيكم محمد؟ والنبي صلى الله عليه وسلم متكئ بين ظهرانيهم، فقلنا: هذا الرجل الأبيض المتكئ. فقال له الرجل: ابن عبد المطالب؟ فقال له النبي صلى الله عليه وسلم: (قد أجبناك). فقال: إني سألتك فمشدد عليك في المسألة، فلا تجد علي في نفسك. قال: (سل عما بدا لك). فقال: أسألك بربك ورب من قبلك، الله أرسلك إلى الناس كلهم؟ فقال: (اللهم نعم). قال: أنشدك بالله، الله أمرك أن تصلي الصلوات الخمس في اليوم والليلة؟ قال: (اللهم نعم). قال أنشدك بالله، الله أمرك أن تصوم هذا الشهر من السنة؟ قال: (اللهم نعم). قال أنشدك بالله، الله أمرك أن تأخذ هذه الصدقة من أغنيائنا فتقسمها على فقرائنا؟ فقال النبي صلى الله عليه وسلم: (اللهم نعم). فقال الرجل: أمنت بما جئت به، وأنا رسول من ورائي من قومي، وأنا ضمام ابن ثعلبة، أخو بني سعد بن بكر.⁸

Yang bermaksud: *Diriwayatkan Anas (bin Malik) r.a.: Ketika kami sedang duduk-duduk bersama Nabi s.a.w. di dalam sebuah masjid, datang seseorang yang mengenderai seekor unta. Ia menyuruh unta itu berlutut di halaman masjid, mengikat kaki depannya lalu bertanya, "Siapa di antara kalian yang bernama Muhammad?" Pada waktu itu Nabi s.a.w. sedang duduk diantara kami (para sahabatnya) dengan bersandar pada kedua tangannya. Kami menjawab, "Lelaki berkulit putih yang duduk bersandar dengan tangannya." Orang itu melihat ke arah Nabi s.a.w., "Hai, anak Abdul Muththalib." Nabi s.a.w. bersabda, "Aku ke sini untuk menjawab pertanyaan-pertanyaanmu." Orang itu bertanya kepada Nabi s.a.w., "Aku ingin menanyakan sesuatu dan tampaknya akan sulit engkau jawab. Jadi jangan marah." Nabi s.a.w. bersabda, "Tanyakan apa pun yang ingin kau tanyakan." Orang itu berkata, "Aku bertanya dengan nama Tuhanmu, Tuhan orang-orang sebelummu, Apakah Allah mengutusmu sebagai Rasul untuk seluruh manusia?" Nabi s.a.w. menjawab, "Demi Allah, benar." Lebih jauh orang itu bertanya, "Dengan nama Allah aku bertanya. Apakah Allah menyuruhmu mendirikan shalat lima waktu dalam sehari semalam?" Nabi s.a.w. menjawab, "Demi Allah, benar." Orang itu kemudian bertanya, "Demi Allah! Apakah Allah memerintahkan kepadamu untuk berpuasa pada bulan Ramadhan?" Nabi s.a.w. menjawab, "Benar, demi Allah." Orang itu bertanya lagi, "Demi Allah! Apakah Allah menyuruhmu mengambil zakat dari orang-orang kaya untuk diberikan kepada orang-orang miskin?" Nabi s.a.w. menjawab, "Demi Allah, benar." Lalu orang itu berkata, "Aku beriman atas semua yang diturunkan (Allah) kepadamu, aku dikirim sukuku sebagai seorang utusan, namaku Dhim'Em bin Tsan'lah keluarga dari Bani Sa'nd bin Bakar."*

Berdasarkan Hadith diatas, keadaan Rasulullah s.a.w. semasa berada di kalangan para sahabatnya di dalam masjid dilihat tiada perbezaan yang menunjukkan beliau sebagai seorang insan penting yang diutuskan oleh Allah, sebaliknya dilihat semuanya satu taraf. Penampilan baginda yang sederhana tanpa pemakaian yang melambangkan keistimewaan serta baginda yang duduk bersama dikelilingi oleh pengikut-pengikutnya tanpa berada di singgahsana menunjukkan bahawa kesederhanaan adalah satu nilai penting dalam setiap aspek kehidupan, begitu juga dengan pembinaan sesebuah masjid.

Dalam mengelakkan pembaziran dan mengamalkan kesederhanaan dalam pembinaan masjid, elemen-elemen yang bersifat perhiasan semata-mata tanpa adanya fungsi khas perlu dielakkan. Contohnya adalah elemen menara yang biasa wujud di kebanyakan masjid di Malaysia secara khusus dan di seluruh dunia secara umumnya. Fungsi menara kononnya adalah sebagai satu tempat yang digunakan oleh Muazzin untuk melaungkan azan. Akan tetapi pada zaman Rasulullah itu azan dilaung bukan diatas menara sebaliknya di atas bumbung tertinggi di kawasan tersebut menurut K.A.C. Creswell (1958:5). Dengan kemodenan yang dimiliki oleh masyarakat hari ini tidak diperlukan lagi penggunaan menara untuk melaungkan azan kerana diganti dengan penggunaan pembesar suara. Oleh itu penggunaan menara sebagai satu elemen dalam rekabentuk masjid adalah tidak lagi bersesuaian menurut Oleg Grabar (1973:120). Namun begitu ia

⁸ Shahih Bukhari, Hadith ke- 1387, hlm. 784.

dilihat praktikal digunakan sebagai mercu tanda untuk menyatakan kewujudan masjid pada sesuatu tempat menurut Mohamad Tajuddin (1998:275).

Asal usul azan dilaungkan adalah bagi menyampaikan seruan agar solat dilaksanakan pada waktu tersebut iaitu bagi menandakan masuknya waktu solat. Bermulanya azan adalah seperti yang dinyatakan oleh Hadith berikut;

عن ابن عمر رضي الله عنهما كان يقول: كان المسلمون حين قدموا المدينة، يجتمعون فيتخنيون الصلاة، ليس ينادي لها، فتكلموا يوماً في ذلك، فقال بعضهم: اتخذوا ناقوساً مثل ناقوس النصارى، وقال بعضهم: بل بوقاً مثل قرن اليهود، فقال عمر: ألا تبعثون رجلاً ينادي بالصلاة؟ فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم: (يا بلال، قم فناد بالصلاة).⁹

Yang bermaksud: *Diriwayatkan dari Ibn Umar r.a.: Ketika orang-orang Muslim tiba di Madinah, mereka berkumpul untuk mengerjakan shalat, dan menggunakan perhitungan waktu untuk melaksanakannya. Pada waktu itu azan sebagai panggilan untuk mengerjakan shalat belum lagi diperkenalkan. Pada suatu hari mereka mendiskusikan masalah ini. Sebagian orang mengusulkan menggunakan loceng, sebagaimana dilakukan umat Kristiani, sebagian lain mengusulkan menggunakan terompet mirip tanduk, seperti digunakan umat Yahudi. Adalah Umar yang pertama kali mengusulkan dengan memanggil (orang-orang) untuk mengerjakan shalat; maka Rasulullah s.a.w. memerintahkan Bilal berdiri dan mengumandangkan azan (sebagai panggilan kepada orang-orang untuk mengerjakan shalat).*

Dalam pembinaan masjid juga memerlukan bahasa seni bina yang bersesuaian untuk menarik minat dan menjemput orang ramai untuk memakmurkannya. Hal ini dilihat memerlukan pemerhatian pada rekabentuk pagar dan imej keseluruhan masjid tersebut. Reka bentuk pagar perlu memberi maksud ke arah menjemput orang ramai memasuki perkarangan masjid. Hal ini sama ada dilakukan dengan penggunaan pagar yang rendah ataupun sekadar memisahkannya dengan pokok-pokok yang tertentu berserta landskap yang menarik. Berbeza dengan kebanyakan masjid-masjid di negara ini yang mempunyai pagar yang tinggi dan menimbulkan kegerunan kepada orang ramai untuk mendekatinya. Hal ini perlu dielak dan sewajarnya diambil iktibar daripada Hadith Rasulullah s.a.w. dimana masjid pada zamannya tidak memiliki pagar dan memberi kebebasan untuk orang ramai keluar dan masuk pada setiap masa tanpa mengira status, kedudukan dan usia. Hadith tersebut adalah seperti berikut;

عن ابن عباس رضي الله عنه قال: أقبلت راكباً على حمار أتان، وأنا يومئذ قد ناهزت الاحتلام، ورسول الله صلى الله عليه وسلم يصلي بمنى إلى غير جدار، فمررت بين يدي بعض الصف، وأرسلت الأتان ترتع، فدخلت في الصف، فلم ينكر ذلك علي.¹⁰

Yang bermaksud: *Diriwayatkan dari Ibn 'Abbas r.a.: Pada suatu hari aku datang dengan menunggang seekor keledai betina, ketika itu aku telah mulai menginjak dewasa. Rasulullah s.a.w. tengah mengerjakan shalat di Mina. Tak ada dinding di hadapannya dan aku lewat di depan barisan beberapa orang tengah melakukan shalat. Aku membiarkan keledai lepas dan menerobos ke dalam barisan itu dan tidak ada seorang pun yang keberatan. Muslim tiba di Madinah, mereka berkumpul untuk mengerjakan shalat, dan menggunakan perhitungan waktu untuk melaksanakannya. Pada waktu itu azan sebagai panggilan untuk mengerjakan shalat belum lagi diperkenalkan. Pada suatu hari mereka mendiskusikan masalah ini. Sebagian orang mengusulkan menggunakan loceng, sebagaimana dilakukan umat Kristiani, sebagian lain mengusulkan menggunakan terompet mirip tanduk, seperti digunakan umat Yahudi. Adalah Umar yang pertama kali mengusulkan dengan memanggil (orang-orang) untuk mengerjakan shalat; maka Rasulullah s.a.w. memerintahkan Bilal berdiri dan mengumandangkan azan (sebagai panggilan kepada orang-orang untuk mengerjakan shalat).*

Dalam pembinaan masjid juga memerlukan bahasa seni bina yang bersesuaian untuk menarik minat dan menjemput orang ramai untuk memakmurkannya. Hal ini dilihat

⁹ Shahih Bukhari, Hadith ke- 370, hlm. 159.

¹⁰ Shahih Bukhari, Hadith ke- 68, hlm. 35.

memerlukan pemerhatian pada rekabentuk pagar dan imej keseluruhan masjid tersebut. Reka bentuk pagar perlu memberi maksud ke arah menjemput orang ramai memasuki perkarangan masjid. Hal ini sama ada dilakukan dengan penggunaan pagar yang rendah ataupun sekadar memisahkannya dengan pokok-pokok yang tertentu berserta landskap yang menarik. Berbeza dengan kebanyakan masjid-masjid di negara ini yang mempunyai pagar yang tinggi dan menimbulkan kegerunan kepada orang ramai untuk mendekatinya. Hal ini perlu dielak dan sewajarnya diambil iktibar daripada Hadith Rasulullah s.a.w. dimana masjid pada zamannya tidak memiliki pagar dan memberi kebebasan untuk orang ramai keluar dan masuk pada setiap masa tanpa mengira status, kedudukan dan usia. Hadith tersebut adalah seperti berikut;

عن ابن عباس رضي الله عنه قال: أقبلت راكبا على حمار أتان، وأنا يومئذ قد ناهزت الاحتلام، ورسول الله صلى الله عليه وسلم يصلي بمنى إلى غير جدار، فمررت بين يدي بعض الصف، وأرسلت الأتان ترتع، فدخلت في الصف، فلم ينكر ذلك علي.¹¹

Yang bermaksud: *Diriwayatkan dari Ibn 'Abbas r.a.: Pada suatu hari aku datang dengan menunggang seekor keledai betina, ketika itu aku telah mulai menginjak dewasa. Rasulullah s.a.w. tengah mengerjakan shalat di Mina. Tak ada dinding di hadapannya dan aku lewat di depan barisan beberapa orang tengah melakukan shalat. Aku membiarkan keledai lepas dan menerobos ke dalam barisan itu dan tidak ada seorang pun yang keberatan.*

Berdasarkan Hadith diatas di dapati kesukaran manusia dalam melakukan sesuatu boleh menyebabkan mereka menjauhi perkara tersebut. Sehubungan dengan itu dapat disimpulkan bahawa kedudukan masjid perlu diambil berat agar tidak menyukarkan orang ramai untuk datang berkunjung.

Kedudukan Dan Lokasi

Dalam isu kedudukan dan lokasi masjid ini dapat dilihat kebanyakan masjid di Malaysia kurang menitikberatkan persoalan ini terutamanya di kawasan-kawasan bandar serta tidak ketinggalan di kawasan pedalaman. Sewajarnya kedudukan masjid berada di kawasan lingkungan tumpuan orang ramai dan tidak terpencil dari kawasan persekitaran masyarakat bagi menggalakkan penggunaan masjid dalam setiap aktiviti yang bukan sahaja berunsur kepada kerohanian sebaliknya juga pelbagai kegiatan kemasyarakatan yang diperlukan pada masa sekarang. Pada zaman Rasulullah s.a.w., masjid tidak pernah dibina di tempat yang sukar untuk dikunjungi dan terpencil seperti yang dinyatakan di dalam Hadith berikut;

عن عبد الله بن عمر رضي الله عنهما: أن رسول الله صلى الله عليه وسلم، كان ينزل بذي الحليفة حين يعتمر، وفي حجته حين حج، تحت سمرة، في موضع المسجد الذي بذي الحليفة، وكان إذا رجع من غزو، كان في تلك الطريق، أو حج أو عمرة، هبط من بطن واد، أناخ بالبطحاء التي على شفير الوادي الشرقية، فعرس ثم حتى يصبح، ليس عند المسجد الذي بجحارة، ولا على الأكمة التي عليها المسجد، كان ثم خليج يصلي عبد الله عنده، في بطنه كئيب، كان رسول الله صلى الله عليه وسلم ثم يصلي، فدحا فيه السبل بالبطحاء، حتى دفن ذلك المكان، الذي كان عبد الله يصلي فيه.¹²

Yang bermaksud: *Diriwayatkan dari Abdullah bin Umar : "Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. pernah singgah di Dzulhulaifah ketika umrah. Ketika haji pun beliau singgah di bawah pohon Samurah di sekitar tempat masjid yang berada di Dzulhulaifah. Apabila kembali dari peperangan, haji, atau umrah, beliau menuruni lembah yang berada di jalan itu. Apabila telah sampai di lembah itu, beliau menurunkan untanya di saluran air sungai yang berada di pinggir lembah bahagian timur, kemudian beristirahat di tempat itu hingga waktu subuh." Di tempat itu, tidak ada masjid yang dibangun dari batu dan tidak ada pula masjid yang berdiri diatas bukit. Di sana ada sebidang tanah yang menjorok ke sungai yang dipakai shalat oleh Ibnu Umar, di lembahnya terdapat tumpukan pasir. Rasulullah s.a.w. pernah sholat di tempat tersebut. Tiba-tiba tumpukan pasir itu terbawa hanyut oleh air sungai tersebut, hingga tempat yang dipakai shalat oleh Ibnu Umar tertimbun air.*

¹¹ Shahih Bukhari, Hadith ke- 68, hlm. 35.

¹² Shahih Bukhari, Hadith ke- 303, hlm. 133, 134.

Daripada Hadith diatas dapat difahami bahawa pada zaman Rasulullah s.a.w., masjid tidak dibina di tempat-tempat terpencil yang menyukarkan orang ramai untuk berkunjung meskipun kedudukan tersebut mempunyai sumber air yang sangat diperlukan oleh musafir dan juga ternakan. Kedudukan dan lokasi masjid sangat dititikberatkan sejak zaman Rasulullah s.a.w. dan Baginda bersama para sahabatnya akan berusaha untuk mendapatkan lokasi-lokasi yang terbaik dan bersesuaian bagi pembinaan masjid dan tidak akan teragak-agak untuk mengorbankan sesuatu yang hak milik mereka dan sebaliknya seperti Hadith berikut di mana mereka telah menggali kubur-kubur orang Musyrik, meratakan tanah dan menebang pohon-pohon kurma bagi menyediakan tapak masjid tersebut;

عن أنس رضي الله عنه قال: قدم النبي صلى الله عليه وسلم المدينة فنزل أعلى المدينة في حي يقال لهم بنو عمرو بن عوف، فأقام النبي صلى الله عليه وسلم فيهم أربع عشرة ليلة، ثم أرسل إلى بني النجار، فجاءوا متقلدين السيوف، كاني أنظر إلى النبي صلى الله عليه وسلم على راحته، وأبو بكر ردفه، وملاً بني النجار حوله، حتى القى رحله بفناء أبي أيوب، وكان يحب أن يصلي حيث أدركته الصلاة، ويصلي في مرابض الغنم، وأنه أمر ببناء المسجد، فأرسل إلى ملاً من بني النجار، فقال: (يا بني النجار تأمنوني بحائطكم هذا). قالوا: لا والله، لا نطلب ثمنه إلا إلى الله، فقال أنس: فكان فيه ما أقول لكم، قبور المشركين، وفيه خرب، وفيه نخل، فأمر النبي صلى الله عليه وسلم بقبور المشركين فنبتت، ثم بالخرب فسويت، وبالنخل فقطع، فصفوا النخل قبلة المسجد، وجعلوا عضادته الحجارة، وجعلوا ينقلون الصخر وهم يرتجزون، والنبي صلى الله عليه وسلم معهم، وهو يقول:

اللهم لا خير إلا خير الآخرة

فاغفر للأتصار والمهاجرة¹³

Yang bermaksud: *Diriwayatkan dari Anas r.a.: Ketika Nabi Muhammad s.a.w. tiba di Madinah, Nabi Muhammad s.a.w. turun dari untanya di bagian atas kota Madinah di tengah-tengah suku yang disebut Bani Amr bin Auf. Nabi s.a.w. tinggal di sana selama empat belas malam. Kemudian suku An-Najjar dikirim (untuk mengawal) Nabi s.a.w. dan mereka datang dengan bersenjata pedang-pedang mereka. Seakan-akan (baru saja) aku melihat Nabi s.a.w. duduk di atas rahilah (unta) beriringan dengan Abu Bakar berada di belakangnya dan semua (anggota) suku an-Najjar mengelilingi Nabi s.a.w. hingga Nabi s.a.w. turun di halaman rumah Abu Ayub. Nabi Muhammad sangat mencintai shalat dan kapan pun waktu shalat tiba Nabi s.a.w. segera mengerjakannya, bahkan di kandang domba. Di kemudian hari Nabi s.a.w. memerintahkan untuk membangun sebuah masjid dan menemui sebahagian orang-orang suku An-Najjar dan berkata kepada mereka, "Wahai suku Najjar! Berapa harga tanahmu ini?" Mereka menjawab, "Tidak! Demi Allah! Kami tidak mengharapkan imbalan untuk tanah ini kecuali dari Allah s.w.t." Anas menambahkan: Di sana terdapat kuburan orang-orang musyrik, sebagian tanah tidak rata, dan terdapat pohon-pohon kurma. Nabi memerintahkan membongkar kuburan orang-orang musyrik itu dan meratakan sebagian tanah yang tidak rata dan menebang pohon-pohon kurma. (Kami semua mengerjakan apa yang diperintahkan Nabi s.a.w.). Mereka menggunakan batang-batang pohon kurma yang telah ditebang untuk kiblat masjid (sebagai dinding) dan mereka menggunakan dua buah batu sebagai dinding samping (masjid). Para sahabat Nabi s.a.w. membawa batu-batu itu sambil membaca beberapa baris puisi (syair). Nabi s.a.w. ikut bekerja bersama mereka dan berkata, "Tak ada kebaikan selain hari kiamat-Mu ya Allah! Maka berilah maaf kaum Anshar (orang-orang yang menolong) dan kaum Muhajir (orang-orang yang berhijrah)."*

Hadith diatas menceritakan usaha yang dilakukan oleh Nabi Muhammad s.a.w. bersama para sahabatnya untuk mendirikan Masjid Quba. Lokasi masjid tersebut dilihat bersesuaian oleh Baginda setelah berada di tempat tersebut selama dua minggu meskipun tapak tersebut adalah perkuburan lama. Namun begitu niat Baginda diteruskan kerana dilihat lokasinya adalah bersesuaian sekali.

Berhampiran Dengan Penempatan Dan Kegiatan Penduduk

¹³ Shahih Bukhari, Hadith ke- 272, hlm. 120, 121.

Kedudukan masjid yang digalakkan adalah yang hampir dengan kediaman dan penempatan penduduk di kawasan tersebut. Hal ini bagi memudahkan orang ramai untuk berkunjung ke masjid terutama pada waktu solat lima waktu serta untuk pelbagai kegiatan lain yang sesuai. Apabila suara azan yang berkumandang mengajak penduduk untuk menunaikan solat kedengaran di kawasan kediaman memberi kesedaran kepada mereka agar menyegerakan tuntutan solat tersebut dengan menunaikannya di masjid. Adalah menjadi kewajipan juga bagi seseorang Muslim yang mendengar azan dari kediaman atau mana-mana tempat dia berada untuk berkunjung ke masjid dan berjemaah menunaikan panggilan solat tersebut tanpa mengira keuzuran yang dialami selagi dia berkemampuan sebagaimana yang dijelaskan di dalam Hadith di bawah seperti berikut;

عن ابي هريرة رضي الله عنه قال: اتى النبي صلى الله عليه وسلم رجل أعمى فقال: يا رسول الله انه ليس لي قائد يقودني الى المسجد، فسأل رسول الله صلى الله عليه وسلم ان يرخص له، فيصلى في بيته، فرخص له. فلما ولى دعاه فقال: "هل تسمع النداء الصلاة؟" فقال: نعم. قال: "اجب".¹⁴

Yang bermaksud: *Diriwayatkan dari Abu Hurairah r.a.: Seorang laki-laki buta pernah datang kepada Rasulullah s.a.w. dan bertanya, "Wahai Rasulullah, saya tidak punya penuntun untuk pergi ke masjid." Orang itu minta keringanan kepada Rasulullah s.a.w. untuk mengerjakan shalat di rumahnya saja. Beliau memperbolehkannya. Setelah pulang, orang tersebut dipanggil lagi dan beliau bertanya, "Apakah kamu mendengar seruan shalat (azan)?" Orang itu menjawab, "Ya." Beliau bersabda, "Penuhilah panggilan itu (pergilah ke masjid)!".*

Jarak yang dekat diantara masjid dengan kediaman dan juga pelbagai aktiviti seharian masyarakat memberi peluang kepada mereka untuk berkunjung dan berjemaah dalam menunaikan solat tanpa perlu tergesa-gesa kerana jaraknya yang jauh atau sukar untuk dikunjungi. Perbuatan tergesa-gesa dan gopoh semasa mengejar waktu solat juga ditegur oleh Rasulullah s.a.w. seperti yang dinyatakan di dalam Hadith berikut;

عن أبي قتادة رضي الله عنه، قال: بينما نحن نصلي مع النبي صلى الله عليه وسلم، إذ سمع جلبة الرجال، فلما صلى قال: (ما شأنكم). قالوا استعجلنا إلى الصلاة. قال: (فلا تفعلوا إذا أتيتم الصلاة فعليكم بالسكينة، فما أدركتم فصلوا، وما فاتكم فأتموا).

Yang bermaksud: *Diriwayatkan dari Abu Qatadah r.a.: Ketika kami sedang mengerjakan shalat bersama Rasulullah s.a.w., beliau mendengar suara gaduh sebagian orang. Setelah shalat usai Nabi s.a.w. bersabda, "Apa yang terjadi?" Mereka menjawab, "Kami tergesa-gesa mengerjakan shalat." Nabi s.a.w. bersabda, "Janganlah mengerjakan shalat dengan terburu-buru, dan kapan pun kalian datang (terlambat) untuk mengerjakan shalat, maka datanglah dengan tenang, ikuti shalat (orang-orang) yang lebih dahulu (dari kalian) dan lengkapkan shalatmu yang tertinggal."*

Apabila masjid terletak di kawasan lingkungan tumpuan kegiatan masyarakat umpamanya bangunan pejabat dan juga kediaman, ini akan menggalakkan mereka untuk berkunjung ke masjid untuk berjemaah. Oleh itu tidak perlu lagi wujudnya surau-surau kecil yang tidak selesa dan sempit di bangunan-bangunan perniagaan dan pejabat. Hal ini kerana telah disebut oleh Rasulullah s.a.w. akan kelebihan menunaikan solat di masjid berjemaah berbanding di secara perseorangan di rumah kediaman atau surau-surau di pusat perniagaan, pejabat dan sebagainya seperti yang telah dinyatakan di dalam Hadith berikut;

على تزيد الجميع صلاة): قال وسلم عليه الله صلى النبي عن: عنه الله رضي هريرة ابي عن، الوضوء فأحسن توضأ إذا أحذكم فإن، درجة وعشرين خمسا، سوقه في وصلاته، بيته في صلاته يدخل حتى، يخط عنه وحط، درجة بها الله رفعه إلا خطوة يخط لم، الصلاة إلا يريد لا، المسجد وأتى في دام ما، كاتالملا عليه يعني وتصلني، تحبسه كانت ما صلاة في كان، المسجد دخل فإذا، المسجد (به يحدث لم ما، ارحمه اللهم، له اغفر اللهم: فيه يصلي الذي مجلسه).

¹⁴ Shahih Muslim, Hadith ke- 321, hlm. 194.

Yang bermaksud: Diriwayatkan dari Abu Hurairah r.a.: Nabi Muhammad s.a.w. pernah bersabda, "Mengerjakan shalat berjemaah (berpahala) dua puluh lima kali lipat dibandingkan mengerjakan shalat sendiri di dalam rumah atau mengerjakan shalat di pusat perdagangan (pusat perbelanjaan), karena jika seseorang berwudhu dengan sempurna kemudian pergi menuju masjid dengan niat mengerjakan shalat, untuk setiap langkah yang di ayunkan dalam perjalanannya ke masjid, Allah akan memberinya pahala dan memaafkan dosanya hingga ia masuk ke dalam masjid. Ketika ia sudah berada di dalam masjid ia mengerjakan shalat dan pada saat ia duduk menunggu untuk mengerjakan shalat (berjemaah), para malaikat akan memohonkan keampunan Allah dan mereka (para malaikat) berkata, "Ya Allah! Kasihilah ia. Ampunilah ia. Selama ia menunggu mengerjakan shalatnya dan (selama ia) tidak ber-hadats."

Bagi masjid yang terletak berhampiran dengan pusat perniagaan, bangunan-bangunan pejabat dan juga pasar pasti menjadi tumpuan untuk menunaikan solat dan juga pelbagai aktiviti lain yang diperlukan oleh masyarakat moden pada hari ini dalam urusan seharian mengikut saranan Mohammad Tajuddin (1998:24) . Untuk keperluan tersebut adalah perlu diwujudkan pelbagai kemudahan-kemudahan yang mampu menarik masyarakat menjadikan masjid sebagai lokasi utama semasa waktu solat terutamanya. Begitu juga pada zaman Rasulullah di mana terdapat masjid di sekitar pasar-pasar dan pusat perniagaan yang menjadi tumpuan masyarakat seperti yang dinyatakan di dalam Hadith berikut;

وَالزُّورَاءُ: قَالَ) بِالزُّورَاءِ وَأَصْحَابِهِ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ اللهُ صَلَّى النَّبِيُّ أَنْ عَنْهُ اللهُ رَضِيَ مَالِكُ بْنُ أَنَسٍ عَنْ بَيْنٍ مِنْ يَنْبَعٍ جَعَلَ فِيهِ كَفَّهُ فَوْضِعَ مَاءٍ فِيهِ بِقَدْحٍ دَعَا (ثُمَّ فِيهِمَا وَالْمَسْجِدَ السُّوقِ عِنْدَ الْمَدِينَةِ بِثَلَاثِينَ أَرْبَعِينَ كَانُوا كَمْ: قُلْتُ: قَالَ أَصْحَابُهُ جَمِيعٌ قَتَوْضاً، أَصَابِعَهُ

Yang bermaksud: Diriwayatkan dari Anas bin Malik r.a.: Ketika Nabi s.a.w. bersama para sahabat beliau berada di Zaura' (sebuah tempat di Madinah dekat pasar dan masjid), beliau meminta satu gelas air. Lalu beliau meletakkan telapak tangannya ke dalamnya, maka memancarlah air dari celah jemari beliau sehingga semua sahabat berwudhu (dengannya). Kata Qatadah (perawi hadis ini), "Aku bertanya kepada Anas, 'Berapa orang yang berwudhu saat itu wahai Abu Hamzah (Anas bin Malik)?'" Jawabnya, "Mereka kurang lebih berjumlah tiga ratus orang."

Hadith diatas menceritakan peristiwa yang menonjolkan mukjizat Nabi Muhammad s.a.w. yang berlatarbelakang tempat di sebuah masjid yang berhampiran dengan pasar. Didapati terdapat masjid dibina berhampiran pasar pada zaman tersebut bagi memudahkan urusan ibadat pengunjung dan juga penjual di pasar tersebut. Kedudukan masjid yang berhampiran dengan pasar, pusat perniagaan dan juga kediaman memerlukannya mempunyai banyak pintu masuk bagi memudahkan pergerakan orang ramai masuk dari setiap arah. Saranan bagi ukuran jalan awam mengikut Hadith (Shahih Muslim, Hadith ke-971, 525) adalah seperti berikut;

عن ابى هريرة رضي الله عنه أن النبي صلى الله عليه وسلم قال: "إذا اختلفتم في الطريق جعل عرضه سبع أذرع"¹⁵

Yang bermaksud: *Diriwayatkan dari Abu Hurairah r.a.: Nabi s.a.w. bersabda, "Apabila kalian bersengketa tentang jalan, perlebarlah jalan itu tujuh hasta."*¹⁶

Ukuran tujuh hasta adalah bersamaan dengan sepuluh kaki setengah. Lebar tersebut dicadangkan sekiranya berlaku pertengkaran terhadap laluan yang digunakan oleh orang awam, namun tidak dinyatakan secara jelas untuk kediaman atau masjid.

Pengkhususan Dan Perancangan Ruang

Bahagian ini mengandungi Hadith-hadith yang menceritakan pelbagai aktiviti yang terdapat di dalam dan perkarangan masjid serta kemungkinan ruang-ruang khusus yang

¹⁵ Shahih Muslim, Hadith ke- 971, hlm. 525.

¹⁶ 1 hasta=1.5 ft, 7 hasta=10.5 ft=3150 mm.

diperlukan untuk aktiviti-aktiviti tersebut. Diantaranya adalah akitviti-aktiviti perniagaan, rawatan penyakit, riadah dan bacaan

Diantara ruang-ruang yang dilihat bersesuaian untuk disediakan di masjid ialah lot-lot kedai bersaiz sederhana untuk disewakan kepada peniaga-peniaga yang berminat untuk menjalankan perniagaannya di dalam kawasan masjid. Jenis perniagaan tersebut hendaklah berunsurkan keperluan asas masyarakat yang beragama Islam seperti alat bersuci, kelengkapan pakaian solat, Al-Qur'an dan sebagainya. Selain itu diperlukan juga kedai yang menjual bahan makanan seperti café dan sebagainya. Perlu juga diwujudkan kemudahan masyarakat moden pada hari ini seperti bank, pejabat pos, kaunter tiket dan sebagainya. Pada zaman Rasulullah s.a.w. turut tidak ketinggalan dengan kegiatan perniagaan di perkarangan masjid seperti yang dinyatakan di dalam Hadith berikut;

عن عمر بن الخطاب رضي الله عنه أنه وجد حلة سيرا عند باب المسجد، فقال: يا رسول الله، لو اشتريت هذه، فلبستها يوم الجمعة، وللوفد إذا قدموا عليك. فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم: (إنما يلبس هذه من لا خلاق له في الآخرة). ثم جاءت رسول الله صلى الله عليه وسلم منها حلال، فأعطى عمر بن الخطاب رضي الله عنه منها حلة، فقال عمر: يا رسول الله، كسوتنيها وقد قلت فيه حلة حطارد ما قلت؟ قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: (إني لم أكسكها لتلبسها). فكساها عمر بن الخطاب رضي الله عنه أبا له بمكة مشركاً.¹⁷

Yang bermaksud: *Diriwayatkan (dari Abdullah bin Umar): Umar bin Al-Khattab r.a. melihat jubah (jas panjang) sutra (dijual) di depan pintu masjid dan berkata kepada Rasulullah s.a.w., "Aku ingin Anda membeli pakaian ini untuk dikenakan pada hari Jumaat dan ketika menerima para duta yang menemui Anda." Rasulullah s.a.w. menjawab, "Pakaian ini hanya dikenakan oleh orang yang tidak memperoleh bagian (pahala) di hari kiamat." Di kemudian hari pakaian-pakaian serupa dihadiahkan kepada Rasulullah s.a.w. dan Nabi s.a.w. memberikan salah satunya kepada Umar bin Al-Khattab yang berkata, "Ya Rasulullah! Kau memberikan pakain ini kepadaku meskipun pakaian Utharid (pakaian seorang saudagaryang menjual pakaian sutra di depan pintu masjid) padahal kau pernah menegurku untuk tidak mengenakan pakaian itu." Rasulullah s.a.w. menjawab, "Aku memberikannya kepadamu bukan untuk dipakai olehmu." Dan Umar pun memberikan itu kepada saudara laki-lakinya yang Musyrik di Makkah untuk dipakai olehnya.*

Selain aktiviti berunsur perniagaan diwujudkan di sekitar masjid perlu juga diadakan klinik bagi rawatan untuk wanita dan kanak-kanak. Kewujudan klinik tersebut secara tidak langsung memberi kesedaran kesihatan terhadap orang ramai. Pada zaman Rasulullah s.a.w. juga terdapat ruang untuk merawat orang tercedera semasa peperangan seperti yang dinyatakan di dalam Hadith berikut;

عن عائشة رضي الله عنها قالت: أصيب سعد يوم الخندق في الأكل، فضرب النبي الله صلى الله عليه وسلم خيمة في المسجد، ليعوده من قريب، فلم يرعهم، وفي المسجد خيمة من بني غفار، إلا الدم يسيل إليهم، فقالوا: يا أهل الخيمة، ما هذا الذي يأتينا من قبلكم؟ فإذا سعد يغذو جرحه دما، فمات فيها.¹⁸

Yang bermaksud: ***Diriwayatkan dari Aisyah r.a.: Pada suatu hari saat berlangsungnya Perang Khandaq (Perang Parit) arteri atau urat halus lengan Saad (bin Muadz) terluka dan Nabi***

Muhammad s.a.w. mendirikan tenda di dalam masjid untuk merawatnya. Di sana ada tenda lain milik suku Ghaffar dan darah mengalir dari tenda Saad ke arah tenda milik suku Ghaffar. Mereka berteriak, "Wahai pemilik tenda! Apa yang datang dari tenda anda ini?" Mereka Saad mengalami pendarahan serius dan ia pun meninggal di dalam tenda itu.

Bilik untuk memandi jenazah juga perlu disediakan di masjid, kedudukannya hendaklah tidak jauh dari tempat mengambil wudhuk agar orang ramai merasa insaf dan mengingati mati apabila memandang bilik tersebut. Jenazah juga digalakkan untuk disembahyangkan di masjid bagi memberi peringatan kepada orang ramai dan juga keluarga si mati. Terdapat juga Hadith yang membincangkan perkara ini seperti berikut;

¹⁷ Shahih Bukhari, Hadith ke-497, hlm. 205, 206.

¹⁸ Shahih Bukhari, Hadith ke-291, hlm. 128, 129.

عن عائشة رضي الله عنها: أنها لما توفي سعد بن أبي وقاص رضي الله عنه ارسل ازواج النبي صلى الله عليه وسلم أن يمرؤا بجنائزه في المسجد فيصلين عليه ففعلوا. فوقف به على حجرهن يصلين عليه، اخرج به من باب الجنائز الذي كان الى المقاعد، فيبلغهن ان الناس عابوا ذلك وقالوا: ما كانت الجنائز يدخل بها المسجد فبلغ ذلك عائشة، فقالت: ما اسرع الناس الى ان يعيبوا ما لا علم لهم به؟ عابوا علينا ان يمر بجنائزه في المسجد وما صلى رسول الله صلى الله عليه وسلم على سهيل بن بيضاء إلا في جوف المسجد.¹⁹

Yang bermaksud: *“Diriwayatkan dari Aisyah r.a.: Sewaktu Saad bin Abi Waqash r.a. wafat, istri-istri Nabi s.a.w. mengutus agar jenazah Saad bin Abi Waqash ini dibawa ke masjid (Nabawi) agar mereka dapat menshalatkannya juga, lalu sahabat-sahabat melaksanakannya. Jenazah Saad lalu diletakkan di dekat kamar mereka, lalu dishalatkannya. Jenazah itu dibawa keluar melalui pintu jenazah menuju tempat-tempat duduk. Kemudian sampailah berita kepada mereka bahawa orang-orang mencela perbuatan yang demikian ini. Mereka berkata bahawa tidak sepatutnya jenazah dimasukkan ke dalam masjid. Hal ini didengar oleh Aisyah, maka dia berkata, “Cepat sekali orang-orang ini mencela hal yang yang tidak mereka ketahui? Mereka mencela kami kerana memasukkan jenazah ke dalam masjid, padahal Rasulullah s.a.w. menshalatkan Suhail bin Baidha di dalam masjid.”*

Hadith diatas menceritakan peristiwa dimana isteri-isteri Rasulullah s.a.w. meminta untuk melakukan solat jenazah ke atas Saad bin Abi Waqqash di dalam masjid Baginda tetapi dicela oleh sesetengah pihak. Daripada peristiwa tersebut dapat di ambil iktibar akan kedudukan bilik jenazah yang bersesuaian dengan ruang solat wanita. Kedudukan bilik jenazah tersebut tidak melalui ruang yang sama ke dewan solat wanita, sebaliknya tempat sembahyang jenazah terletak berhampiran dengan dewan solat wanita.

Jemaah Dan Pengguna

Fungsi utama bagi sebuah masjid pada zaman Rasulullah s.a.w. bukan sahaja sebagai tempat beribadat tetapi turut dijadikan pusat menuntut ilmu, penyampaian isu agama, perbincangan isu-isu semasa serta perancangan dalam peperangan. Oleh itu pelbagai jenis aktiviti dapat dilihat berdasarkan fungsi-fungsi masjid tersebut serta pelbagai lapisan masyarakat juga yang terlibat termasuklah golongan yang kurang upaya, orang tua, remaja, kanak-kanak, lelaki, wanita dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, rekabentuk sesebuah masjid dilihat sewajarnya memberi keselesaan dan keperluan kepada semua lapisan masyarakat tersebut tanpa wujudnya diskriminasi dalam soal umur, taraf dan juga kesihatan.

Perkara ini perlu diambil berat kerana para jemaah terdiri daripada pelbagai jenis lapisan masyarakat iaitu lelaki dewasa, orang muda, golongan tua, orang kurang upaya, kanak-kanak, wanita, musafir dan sebagainya. Hal ini dapat dilihat daripada Hadith Baginda Rasulullah s.a.w. yang memperkatakan tuntutan seseorang untuk ke masjid apabila terdengarnya azan dari tempat tinggalnya meskipun dia seorang yang buta seperti hadith yang telah dinyatakan sebelum ini. Sehubungan dengan itu, keperluan khas bagi golongan ini perlu disediakan di dalam masjid tersebut seperti tandas khas, laluan yang tidak menyukarkan pergerakannya seperti kewujudan anak tangga yang banyak untuk bergerak dari satu ruang ke satu ruang.

Golongan kedua yang perlu diambil berat dari segi keperluan mereka di masjid adalah remaja. Remaja merupakan golongan pertengahan diantara kanak-kanak dan dewasa, kedudukan diantara dua golongan tersebut menjadikan mereka sentiasa aktif, bersifat ingin tahu serta bersifat agresif. Oleh itu pemerhatian dan didikan yang sempurna perlu diterapkan dalam diri mereka dengan menggalakkan mereka berjinak-jinak dengan masjid. Golongan ini juga merupakan pelapis kepada generasi akan datang dalam mencorak sesebuah masyarakat Islam dengan menjadikan masjid sebagai pengantara kepada misi tersebut. Kegemaran mereka kepada aktiviti bersifat lasak seperti bersukan dan sebagainya boleh dijadikan satu tarikan untuk menarik golongan ini ke masjid. Kewujudan ruang dan kemudahan sedemikian secara tidak langsung menarik minat mereka untuk memasuki perkarangan masjid serta menjadikan masjid sebagai tempat mengisi masa lapang mereka. Apabila masjid hanya tertumpu kepada aktiviti kerohanian

¹⁹ Shahih Bukhari, Hadith ke-478, hlm. 271.

setiap masa akan menimbulkan kebosanan terutamanya pada golongan remaja. Rasulullah s.a.w. juga memilih waktu-waktu tertentu untuk memberi peringatan dan nasihat kepada para sahabatnya bagi mengelakkan mereka kebosanan seperti yang dinyatakan di dalam Hadith berikut;

عن ابن مسعود رضي الله عنه قال: كان النبي صلى الله عليه وسلم يتحولنا بالموعظة في الأيام، كراهية السامة علينا.²⁰
Yang bermaksud: *Diriwayatkan dari Ibn Mas'ud r.a.: Nabi Muhammad s.a.w. memilih waktu yang tepat untuk berkhotbah sehingga kami tidak merasa bosan. (Nabi s.a.w. tidak mengganggu kami dengan melibatkan kami dalam pembicaraan agama dan ilmu pengetahuan terus-menerus sepanjang waktu).*

Kewujudan pelbagai aktiviti bersifat permainan di masjid turut terdapat pada zaman Rasulullah s.a.w. seperti yang dinyatakan di dalam Hadith-hadith berikut;

عن عائشة رضي الله عنها قالت: دخل رسول الله صلى الله عليه وسلم وعندي جاريتان تغنيان بغناء فاضطجع على الفراش وحول وجهه، فدخل الو بكر رضي الله عنه فانتهرني، وقال: مزمار الشيطان عند رسول الله صلى الله عليه وسلم؟ فاقبل عليه رسول الله صلى الله عليه وسلم فقال: "دعهما" فلما غفل غمزتهما فخرجتا وكان يوم عيد يلعب السودان بالدرق والحراب فاما سألت رسول الله صلى الله عليه وسلم واما قال: "تشتهين تنظيرين؟" فقلت: نعم، فاقامني وراءه، خدى على جده، وهو يقول: "دونكم يا بني ارفةة" حتى اذا مللت قال: "حسبك" قلت: نعم، قال: "فاذهبي".²¹

Yang bermaksud: *Diriwayatkan dari Aisyah r.a.: Rasulullah s.a.w. pernah memasuki rumah saya, sedangkan di dekat saya ada dua orang budak perempuan yang sedang menyanyikan lagu Bu'ats. Lalu beliau berbaring diatas tikar sambil memalingkan wajah. Tiba-tiba, Abu Bakar r.a. masuk dan membentak saya sambil berkata, "Ada seruling setan di rumah Rasulullah s.a.w.?" Rasulullah s.a.w. menoleh kepadanya seraya bersabda, "Biarkanlah mereka berdua itu." Setelah beliau lengah, saya mengerdipkan mata (memberi isyarat) kepada kedua budak perempuan itu, lalu mereka keluar. Pernah pada suatu hari raya, ketika orang-orang hitam sedang bermain dengan perisai dari kulit (perang-perangan), saya meminta izin Rasulullah s.a.w. untuk menontonnya, atau beliau bertanya, "Apakah engkau tertarik untuk menontonnya?" Saya menjawab, "Ya" Lalu beliau menempatkan saya untuk berdiri di belakang beliau. Pipi saya menempel pada pipi beliau, beliau bersabda, "Teruskan permainan kalian, wahai Bani Arfidah!" Setelah saya merasa bosan, beliau bertanya, "Apakah engkau sudah merasa bosan?" saya menjawab, "Ya." Beliau bersabda, "Pergilah!"*

عن عائشة رضي الله عنها قالت: لقد رأيت رسول الله صلى الله عليه وسلم يوما على باب حجرتي والحيشة في المسجد، ورسول الله صلى الله عليه وسلم يسترني بردائه، أنظر إلى لعبهم. وفي رواية: يلعبون بحرابهم.²²

Yang bermaksud: *Diriwayatkan dari Aisyah r.a.: Pada suatu hari aku melihat Rasulullah s.a.w. di depan pintu rumahku ketika pada waktu yang bersamaan orang-orang Etiopia bermain-main di dalam masjid (memamerkan keahlian mereka melempar tombak). Rasulullah s.a.w. menyelubungiku dengan rida-nya (kain penutup bagian atas tubuh) sehingga aku dapat menyaksikan permainan mereka. Di dalam kutipan yang lain disebutkan, "Bermain-main dengan tombak mereka."*

Kewujudan pelbagai kemudahan berunsur riadah bukan sahaja akan menarik golongan remaja tetapi juga menggalakkan mereka yang berkeluarga untuk turut serta meluangkan masa bersama anak-anak mereka. Penyediaan padang permainan kanak-kanak yang sederhana juga wajar disediakan memandangkan golongan ini juga memerlukan ruang khusus untuk pelbagai aktiviti mereka di masjid. Kanak-kanak perlu digalakkan untuk ke masjid bagi memupuk rasa cinta mereka terhadap masjid seperti yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. seperti yang dinyatakan di dalam hadith-hadith berikut;

عن أبي قتادة الأنصاري رضي الله عنه: أن رسول الله صلى الله عليه وسلم كان يصلي، وهو حامل أمامة بنت زينب، بنت رسول الله صلى الله عليه وسلم، وهي لأبي العاص بن الربيع بن عبد شمس، فإذا سجد وضعها، وإذا قاما حملها.²³

²⁰ Shahih Bukhari, Hadith ke-62, hlm. 33.

²¹ Shahih Muslim, Hadith ke-432, hlm. 248. Terdapat juga di dalam Hadith Bukhari pada Hadith ke-286, hlm. 126, 127)

²² Shahih Bukhari, Hadith ke-286, hlm. 126, 127.

²³ Shahih Bukhari, Hadith ke- 323, hlm. 141, 142.

Yang bermaksud: *Diriwayatkan dari Abu Qatadah Al-Anshari r.a.: **Rasulullah s.a.w. pernah mengerjakan shalat sambil menggendong Umamah, anak perempuan Zainab ra.a. (putri Nabi s.a.w.) dengan Abu Al-'Ash bin Rabi' bin ;Abdusy-Syams. Ketika Nabi s.a.w. sujud, Nabi s.a.w. menurunkan Umamah dari gendongannya, dan ketika Nabi s.a.w. berdiri, Nabi s.a.w. menggendongnya.***

عن محمود بن الربيع رضي الله عنه قال: عقلت من النبي صلى الله عليه وسلم مجةً مجها في وجهي، وأنا ابن خمس سنين، من دلي.²⁴

Yang bermaksud: *Diriwayatkan dari Mahmud bin Rabi' r.a.: **ketika umurku lima tahun, aku ingat, Nabi Muhammad s.a.w. mengambil air dari ember (yang biasa digunakan mengambil air dari sebuah sumur) dengan mulutnya dan menyemburkannya ke wajahku.***

Kehadiran kanak-kanak ke masjid biasanya akan ditemani oleh ibunya, oleh itu para wanita juga memerlukan ruang-ruang tertentu bagi menjalankan aktiviti mereka dengan anak-anak. Rasulullah turut bertimbang rasa terhadap wanita dan kanak-kanak yang datang ke masjid seperti yang dinyatakan di dalam Hadith seperti berikut;

عن أبي قتادة الأنصاري رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: (إني لأقوم في الصلاة أريد أن أطول فيها، فأسمع بكاء الصبي، فأتجوز في صلاتي، كراهية أن أشق على أمه).²⁵

Yang bermaksud: *Diriwayatkan dari Abu Qatadah r.a.: **Nabi Muhammad s.a.w. pernah bersabda, "Ketika aku berdiri untuk mengerjakan shalat, aku berniat untuk memperpanjangkannya tetapi ketika aku mendengar tangis seorang anak, aku memperpendeknya, aku tidak mau merepotkan ibu anak itu."***

Kehadiran wanita-wanita ke masjid sepatutnya bukan sahaja semasa menunaikan solat Tarawikh ataupun untuk menunaikan solat sunat hari raya sebaliknya perlu juga digalakkan untuk bersolat fardhu dengan diiringi pasangan dan anak-anak. Kedatangan wanita ke masjid tidak pernah dihalang oleh Rasulullah s.a.w. selagi mereka tidak melakukan perkara yang dilarang bahkan Rasulullah s.a.w. turut memperuntukkan satu hari khas untuk golongan wanita bersama Baginda bagi menyampaikan peringatan dan teladan seperti yang dinyatakan di dalam Hadith-hadith berikut;

عن أبي سعيد الخدري رضي الله عنه قال: قالت النساء للنبي صلى الله عليه وسلم: غلبنا عليك الرجال، فاجعل لنا يوماً من نفسك، فوعدهن يوماً لقيهن فيه، فوعظهن وأمرهن، فكان فيما قال لهن: (ما منكن امرأة تقدم ثلاثة من ولدها، إلا كان لها حجاب من النار). فقالت امرأة: واثنين؟ فقال: (واثنين). وفي رواية عن أبي هريرة رضي الله عنه: (لم يبلغوا الخنث).²⁶

Yang bermaksud: *Diriwayatkan dari Abu Sa'id Al-Khudri r.a.: **Beberapa orang perempuan memohon kepada Nabi Muhammad s.a.w. untuk memberi mereka waktu secara terpisah selama sehari sebab kaum pria telah mengambil seluruh waktunya. Mendengar permintaan itu Nabi Muhammad s.a.w. menjanjikan kepada mereka satu hari untuk memberikan pelajaran dan perintah-perintah agama. Pada hari yang dijanjikan Rasulullah s.a.w. bersabda, "Seorang perempuan yang melahirkan tiga orang anak yang meninggal akan dilindungi mereka dari api neraka." Seorang perempuan bertanya, "Bagaimana kalau dua?" Nabi Muhammad s.a.w. menjawab, "Ia pun akan dilindungi dari api neraka."***

عن ابن عمر رضي الله عنهما، عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: (إذا استأذنتكم نسأؤكم بالليل إلى المسجد فأذنوا لهن).²⁷
Yang bermaksud: *Diriwayatkan dari Ibnu Umar r.a.: **Nabi Muhammad s.a.w. bersabda, "Jika istri-istrimu meminta izin untuk pergi ke masjid pada malam hari, beri mereka izin."***

عن زينب التَّقِيَّةِ رضي الله عنها قالت: قال لنل رسول الله صلى الله عليه وسلم: "إذا شهدت احدائكن المسجد فلا تمسنا طيباً".²⁸

²⁴ Shahih Bukhari, Hadith ke- 69, hlm. 35.

²⁵ Shahih Bukhari, Hadith ke- 420, hlm. 176.

²⁶ Shahih Bukhari, Hadith ke-87, hlm. 43.

²⁷ Shahih Bukhari, Hadith ke-492, hlm. 203.

²⁸ Shahih Bukhari, Hadith ke-4245, hlm. 152.

Yang bermaksud: *Diriwayatkan dari Zainab Al-Tsaqfiyyah r.a.: Rasulullah s.a.w. pernah bersabda kepada kami, "Apabila salah seorang daripada kamu pergi ke masjid (wahai kaum wanita), janganlah memakai wewangian."*

عن أم عطية رضي الله عنها قالت: سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول: (تخرج العواتق، وذوات الخدور، والحائض، وليشهدن الخير، ودعوة المؤمنين، ويعتزل الحائض المصلّى). قيل لها: الحائض؟ فقالت: أليس يشهدن عرفة، وكذا وكذا.²⁹

Yang bermaksud: *Diriwayatkan dari Ummu Atiyah r.a.: Aku mendengar dari Rasulullah s.a.w. bahawa gadis-gadis perawan yang belum kawin, perempuan-perempuan dewasa, dan kaum perempuan yang sedang haid hendaknya keluar dan ikut serta melakukan perbuatan-perbuatan baik sebaik keyakinan orang-orang yang beriman, tetapi orang-orang yang sedang haid harus menjauh dari tempat shalat. Seseorang bertanya (kepada Ummu Athiyah) (dengan terkejut), "Apakah anda bilang kaum perempuan yang sedang haid?" Ia menjawab, "Bukankah perempuan yang sedang haid hadir (di Arafah dan mengerjakan berbagai perbuatan baik?"*

Terdapat juga kehadiran para wanita dan keluarga ke masjid sebagai musafir dan beristirehat. Sehubungan dengan itu adalah wajar disediakan bilik-bilik yang privasi untuk beristirehat dan disewakan bagi kegunaan keluarga musafir tersebut. Pada zaman Rasulullah s.a.w., masjid juga menjadi tempat perlindungan bagi seorang budak perempuan, budak tersebut telah mendirikan khemahnya di dalam masjid seperti yang dinyatakan di dalam Hadith tersebut;

عن عائشة رضي الله عنها: أن وليدة كانت سوداء، لحي من العرب، فأعتقوها فكانت معهم، قالت: فخرجت صبياً لهم، عليها وشاح أحمر من سيور، قالت: فوضعت، أو وقع منها، فمرت به حديأة وهو ملقى، فحسبته لحماً فخطفته، قالت: فالتمسوه فلم يجده، قالت: فاتهموني به، قالت: فطفقوا يفتشون، حتى فتشوا قبلها، قالت: والله إني لقائمة معهم، إذ مرت الحديأة فألقته، قالت: فوقع بينهم، قالت: فقلت: هذا الذي اتهمتموني به، زعمتم وأنا منه بريئة، وهو ذا هو، قالت: فجاءت إلى رسول الله صلى الله عليه وسلم فأسلمت، قالت عائشة: فكان لها خباء في المسجد أو خفش، قالت: فكانت تأتيني فتحادث عني، قالت فلا تجلس عني مجلساً، إلا قالت: ويوم الوشاح من أعجيب ربنا ألا إنه من بلدة الكفر أنجاني قالت عائشة: فقلت لها: ما شأنك، لا تعدين معي مقعداً إلا قلت هذا؟ قالت: فحدثتني بهذا الحديث.³⁰

Yang bermaksud: *Diriwayatkan dari Aisyah r.a. Ada seorang budak perempuan berkulit hitam milik sebuah suku Arab dan mereka memerdekakan budak perempuan itu tetapi ia tetap tinggal bersama mereka. Pada suatu hari salah seorang gadis dari suku mereka datang dengan mengenakan selendang kulit berwarna merah berhias batu-batu mulia. Batu itu jatuh, atau ia menyimpannya entah di mana. Seekor burung walet lewat, melihatnya tergeletak dan menyangkannya sebagai sekerat daging lalu membawanya terbang. Orang-orang mencari batu mulia itu namun tidak berhasil menemukannya. Mereka pun menuduhku mencurinya dan menggeledah tubuhku bahkan menggeledah bagian tubuhku yang terlarang." Lebih jauh budak perempuan itu berkata, "Demi Allah! Ketika aku berdiri dalam keadaan (teraniaya) itu, burung walet yang sama merenggutkan selendang merah si gadis lewat dan menjatuhkannya di depan mereka. Aku berkata kepada mereka, 'Inilah yang kau tuduhkan padaku, sesungguhnya aku tidak bersalah.'"*

(Aisyah) menambahkan: **Budak perempuan itu menemui Rasulullah s.a.w. dan memeluk Islam. Ia memiliki sebuah khemah atau sebuah kamar kecil di dalam masjid. Kapan pun ia memanggilku, ia akan berbicara denganku dan kapan pun ia duduk bersamaku, ia akan mengatakan hal ini: "Kasus selendang itu, satu dari sekian keajaiban Tuhanku. Sungguh ia telah menyelamatkan aku dari orang-orang kafir itu." Aisyah menambahkan: Sekali waktu aku bertanya kepadanya, "Apa yang (sesungguhnya yang pernah) terjadi padamu? Setiap kali kau duduk bersamaku, kau selalu mengucapkan syair itu." (Mendengar pertanyaanku) ia pun menceritakan seluruh kemalangan yang telah menimpanya itu.**

Bagi golongan lelaki dewasa pula, kedatangan mereka ke masjid selain daripada menunaikan solat adalah untuk aktiviti kerohanian lain seperti mendengar kuliah, membaca buku, belajar Tajwid dan Al-Qur'an, bermesyuarat dan sebagainya. Bilik mesyuarat diperlukan di masjid bagi membincangkan hal ehwal pentadbiran masjid serta

²⁹ Shahih Bukhari, Hadith ke-218, hlm. 93.

³⁰ Shahih Bukhari, Hadith ke- 277, hlm. 122, 123.

sebagai tempat imam berbincang dan memberi kaunseling bagi mereka yang memerlukannya. Situasi ini turut terdapat pada zaman Rasulullah s.a.w. dimana perlunya ruang yang privasi untuk membincangkan sesuatu seperti yang dinyatakan di dalam Hadith berikut;

عن أني رضي الله عنه قال: أن ناسا من الأنصار، قالوا لرسول الله صلى الله عليه وسلم، حين أفا الله على رسوله صلى الله عليه وسلم من أموال هوازن ما أفاء، فطفق يعطي رجلا من قريش المائة من الأبل، فقالوا: يغفر الله لرسول الله صلى الله عليه وسلم، يعطي قريشا ويدعنا، وسيوفنا تقطر من دمايتهم، قال أنس: فحدث رسول الله صلى الله عليه وسلم بمقاتلتهم، فأرسل إلى الأنصار فجمعهم في قبة من أدم، ولم يدع معهم أحدا غيرهم، فلما اجتمعوا جاءهم رسول الله صلى الله عليه وسلم فقال: (ما كان حديث بلغني عنكم؟) قال له فقهاؤهم: أما ذوو آرائنا يا رسول الله فلم يقولوا شيئا، وقد تقدم الحديث بطوله.³¹

Yang bermaksud: *Diriwayatkan dari (Anas bin Malik) r.a.: Ketika Allah memberikan Rasul-Nya harta kekayaan suku Hawazin sebagai faai (rampasan perang), Nabi s.a.w. memberi sejumlah orang Quraisy seratus unta lebih. Melihat hal itu sejumlah orang Anshar berkata kepada Rasulullah s.a.w., "Semoga Allah mengampuni Rasul-Nya! Ia memberi sedemikian banyak kepada orang Quraisy dan meninggalkan kita, padahal pedang-pedang kami masih basah dengan darah mereka (orang-orang kafir)." Kata Anas, ketika persoalan itu diberitahukan kepadanya, Rasulullah s.a.w. memanggil orang-orang Anshar berkumpul di sebuah tenda kulit. Orang lain (selain suku Anshar) tidak diperbolehkan masuk. Setelah semuanya berkumpul, Rasulullah s.a.w. bersabda kepada mereka, "Apakah perkataan yang telah kalian ucapkan perihalku?" Orang-orang terpelajar dari kalangan mereka menjawab. "Ya Rasulullah! Orang-orang bijak diantara kami tidak mengatakan apa pun."*

Daripada Hadith diatas dapat dilihat bagaimana cara Rasulullah menyampaikan sesuatu yang sulit dan rahsia kepada golongan Anshar dengan cara memanggil mereka ke tempat yang selamat dari pendengaran orang ramai. Oleh itu dilihat wajar sekiranya disediakan bilik-bilik khas untuk aktiviti-aktiviti tertentu seperti kaunseling, mesyuarat dan sebagainya.

Permasalahan Keselamatan dan Ruang Peribadi di Masjid

Bahagian ini menjelaskan permasalahan yang berkaitan dengan keselamatan dan ruang peribadi di masjid. Perbincangan ini terbahagi kepada permasalahan keselamatan harta benda masjid serta isu penggunaan pagar. Keselamatan dan ruang peribadi merupakan perkara penting dalam setiap lapisan masyarakat bergantung kepada aktiviti yang dilakukan. Dalam masalah keselamatan dan ruang peribadi di masjid terutamanya bagi golongan wanita memerlukan perhatian yang sewajarnya sebagaimana Rasulullah s.a.w. sangat benci apabila ruang peribadinya diceroboh seperti mengintai dan sebagainya sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam Hadith berikut:

حديث سهل بن سعد الساعدي، أن رجلا اطلع في جحر في باب رسول الله عليه وسلم، ومع رسول الله عليه وسلم مدرى يحك به رأسه. فلما رأى رسول الله صلى الله عليه وسلم، قال، لو أعلم أن تنتظرني لطعنت به في عينيك. قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: إنما جعل الإذن من قبل البصر.³²

Yang bermaksud: *"Sahl bin as-Sa'idi r.a. berkata: "Ada seseorang mengintai dari lubang dipintu rumah Rasulullah s.a.w. sedang di tangan Rasulullah s.a.w. ada sisir besi digunakan untuk menggaru kepalanya, dan ketika Nabi s.a.w. melihatnya lalu baginda bersabda: "Kalau aku mengetahui bahawa anda mengintai aku, pasti aku cucukkan besi ini di kedua matamu." Nabi s.a.w. bersabda lagi: "Sesungguhnya diadakan peraturan minta izin hanya kerana mata." (Bukhari, Muslim).*

Hadis diatas menunjukkan betapa hinanya perbuatan tersebut sehingga Baginda tidak teragak-agak untuk mencucuk kedua-dua mata pengintai tersebut. Oleh itu isu ini wajar diambil berat dalam merekabentuk sesebuah masjid.

³¹ Shahih Bukhari, Hadith ke-1332, hlm. 547.

³² Hadis ke-1393, Himpunan Hadis Shahih oleh Bukhari dan Muslim, hlm. 819 dan 820.

Dalam isu penggunaan pagar bagi memelihara keselamatan harta benda masjid dilihat tidak begitu praktik untuk digunakan kerana bakal menimbulkan rasa gerun orang ramai untuk mendekati kawasan tersebut, sekiranya hanya dipisahkan dengan landskap tumbuhan pasti seakan menggalakkan kehadiran orang ramai tanpa mengira darjat keturunan dan had umur.

*“ Diriwatikan dari Ibn Abbas r.a.: Pada suatu hari aku datang dengan menunggang seekor keledai betina, ketika itu aku telah mulai menginjak dewasa. Rasulullah s.a.w. tengah mengerjakan shalat di Mina. **Tak ada dinding di hadapannya dan aku lewat di depan barisan beberapa orang tengah melakukan shalat. Aku membiarkan keledai lepas dan menerobos ke dalam barisan itu dan tidak ada seorang pun yang keberatan.**”³³*

Dalam hadith diatas juga boleh diinterpretasikan sebagai galakkan untuk menarik kedatangan orang ramai adalah dengan tidak mewujudkan pagar yang bersifat pemisah. Ini kerana Rasulullah s.a.w. tidak pernah membuat sebarang pagar atau melarang apa sahaja yang masuk ke dalam masjidnya sekalipun seekor keledai seperti maksud hadith diatas.

Ekonomi dan Pengurusan

Bahagian ini membincangkan tentang ekonomi masjid dan pengurusannya iaitu dalam hal ehwal pengurusan kewangan. Didapati kebanyakan masjid pada hari ini tidak mempunyai sumber kewangannya yang tersendiri bagi kegunaan penyelenggaraan, aktiviti keraian dan sebagainya. Masjid sewajarnya mempunyai sumber kewangannya sendiri untuk kepentingan institusi tersebut serta mereka yang memerlukan sebagaimana yang dapat dipelajari daripada Hadith (Sahih Muslim, Vol. II, p. 48) berikut:

*Mundhir b. Jarir reported on the authority of his father. While we were in the company of the Messenger of Allah (may peace be upon him) in the early hours of the morning, some people came there (who) were barefooted, naked, wearing striped woollen clothes, or cloaks, with their swords hung (around their necks). Most of them, nay, all of them, belonged to the tribe of Mudar. The colour of the face of the Messenger of Allah (may peace be upon him) underwent a change when he saw them in poverty. He then entered (his house) and came out and commanded Bilal (to pronounce Adhan). He pronounced Adhan and Iqama, and he (the Holy Prophet) observed prayer (along with his Companion) and then addressed (them reciting verses of the Holy Qur'an): "O people, fear your Lord, Who created you from a single being" to the end of the verse, "Allah is ever a Watcher over you" (iv.1). (He then recited) a verse of sura Hashr: "Fear Allah, and let every soul consider that which it sends forth for the morrow and fear Allah" (ix. 18). (Then the audience began to vie with one another in giving charity). **Some donated a dinar, others a dirham, still others clothes, some donated a sa' of wheat, some a sa' of dates; till he (the Holy Prophet) said: (Bring) even if it is half a date. Then a person from among the Ansar came therewith a money bag which his hands could scarcely lift; in fact, they could not (lift). Then the people followed continuously, till I saw two heaps of eatables and clothes, and I saw the face of the Messenger (May peace be upon him) glistening like gold (on account of joy). The Messenger of Allah (May peace be upon him) said: He who sets a good precedent in Islam, there is a reward for him for this (act of goodness) and reward of that also who acted according to subsequently, without any deduction from their rewards; and he who sets in Islam an evil precedent, there is upon him the burden of that and the burden of him also who acted upon it subsequently, without any deduction from their burden.***

³³ Shahih Bukhari, Hadith ke- 68, hlm. 35.

Hadith diatas menceritakan bagaimana seseorang yang dalam keadaan memerlukan sesuatu mendapatkannya daripada masjid melalui pertolongan Baginda dan para sahabatnya. Situasi itu dilihat institusi masjid Baginda berfungsi dari sudut ekonominya dimana mereka dapat membekalkan sesuatu yang diperlukan oleh mereka yang memerlukan bantuan. Fungsi tersebut perlu diwujudkan dalam rekabentuk masjid pada masa kini dengan mewujudkan sesuatu yang membolehkan ekonomi masjid tersebut sentiasa stabil.

Kesimpulan

Berdasarkan penilaian dan intepretasi yang dilakukan ke atas Hadith-hadith Rasulullah s.a.w. telah mendapati bahawa masjid pada zaman tersebut bukan sahaja terhad kepada kegiatan berunsurkan kerohanian dan ibadat semata-mata, tetapi ia juga berfungsi sebagai penggerak kepada perkembangan masyarakat Islam dan agama Islam itu sendiri. Keberkesanan fungsinya pada zaman tersebut dapat dilihat pada penyebaran agama Islam ke seluruh pelusuk dunia meskipun pada masa itu masjid baginda hanya dibina daripada batang pohon kurma dan berbumbungkan daun-daun. Disebalik kejayaan Rasulullah pada zaman tersebut menjadi teladan bagi masyrakat Islam pada hari ini untuk membangun dan memakmurkan masjid mereka bagi memaksimumkan fungsinya sebagai satu pusat penggerak masyarakat Islam terkini dengan memenuhi pelbagai keperluan kerohanian dan juga fizikal.

Dengan wujudnya masjid yang memainkan peranan penting tersebut diharap dapat membentuk dan menyatupadukan masyarakat Islam menjadi masyarakat yang disegani dan dipandang mulia di sisi masyarakat dan diredhai Pencipta-Nya.

Rujukan

- Al-Qari, Abdullah. *Memahami Nilai dan Sunnah Nabi s.a.w.* Pustaka ASA, Kenali, Kelantan.
- Al-Qaradhawi, Yusuf (2000). *Sunnah: Sumber Ilmu dan Peradaban.* Selangor: The International Institute of Islamic Thought, Malaysia
- al-Tabrani, Sulayman ibn Ahmad. 1311H/1894. *Al-Mu'jam al-saghir.* Delhi: Al-Matba'ah al-Ansari.
- Ash Shiddieqy, *Sejarah Perkembangan Hadis I*, 1969, hlm. 4.
- Ayip, Zainuddin. 2009. *Golongan Profesional Perlu Bantu Urus Masjid*, Milenia Muslim. Bil 85. YADIM, hlm. 10.
- Bukhari. 2002. *Ringkasan Hadith Shahih Bukhari.* Susunan semula Zabidi, Imam Ibn Ahmad. Terj. Drs. Achmad Zaidun. Pustaka Amani, Jakarta.
- Creswell, KAC (1968). *A Short Account of Early Muslim Architecture.* Beirut: Librarie du Liban.
- El-Muhammady, Muhammad Uthman. 1977. *Memahami Islam, Insan, Ilmu dan Kebudayaan.* Pustaka Aman Press Kota Bharu.
- Engku Ibrahim Ismail, Shamsuddin, Ustaz Abdul Ghani. 1987. *Kedudukan Hadith Dalam Islam.* Persatuan Ulama Malaysia.
- Gazalba, Sidi (1962). *Masjid: Pusat Ibadat dan Kebudayaan Islam.* Pustaka Antara-Djakarta.
- Hakim, Besim Selim (1988), *Arabic Islamic City: Building and Planning Principles.* London: Kegan Paul International.
- Haris, Salawati. 2009. *6 Strategi Masjid Boleh Buat Duit.* Milenia Muslim, YADIM, hlm. 16 sehingga 19.
- H. Moh. Fachrurrozy, 2006, Mutiara Qolbu, Pustaka al-Husna Baru, hlm. 7,8, 38, 119 dan 148.
- Hoag, JD (1989). *Islamic Architecture.* London: Faber and Faber.
- Kamali, Muhammad Hashim. *Hadith Methodology.* 2002. Islamic Foundation. Hlm. 33.
- Miftahi, Mufti Zafeer Uddin. 1997. *Mosque in Islam.* S. Abdul Majeed & Co.
- Mokhtar, Shaikh Mohammad Ali. 1997. *Peranan Masjid Dalam Islam.* Makkah.
- Muslim. 2004. *Ringkasan Shahih Muslim.* Susunan semula Zaki Al-Din 'Abd Al-Azim Al-Mundziri. Mizan Pustaka Bandung.
- Omer, Spahic. 2004. *Studies in the Islamic Built Environment.* Published by: Research centre IIUM, KL. Second edition.
- Prosiding Seminar Internasional, Aga Khan Awards for Architecture, Jakarta & Yogyakarta 15-19 Oktober 1990, hlm.51.
- Renata Holod and Hasan-Udin Khan. 1997. *The Mosque and the Modern World.* Thames and Hudson Ltd, London.
- Ridzuan, Faizal. 2009, *Hotel dan Masjid Dalam Satu Kompleks*, Milenia Muslim. Bil. 85. YADIM, hlm. 14 dan 15.
- Saif, Abu. 2009. *Penjenamaan Semula Dakwah dan Imarah Masjid*, Selangor, www.saifulislam.com.
- Serageldin, Ismail (1989). *Space for Freedom: The Search for Architectural Excellence in Muslim Societies.* Butterworth: The Aga Khan Award for Architecture & Butterworth Architecture.

- Siddiqi, Muhammad Zubayr. 1961. *Hadith Literature Its Origins Development Special Features and Criticism*. Calcutta University.
- Tajuddin M Rasdi, Mohd T, 2009, *Masalah Tafsiran Idea Seni Bina Masjid Dari Perspektif Historiografi barat*, Makalah Dunia Melayu dan Islam Satu Wacana, ATMA UKM Bangi, hlm. 290.
- Tajuddin M Rasdi, Mohd. 2003. *Crisis in Islamic Architecture*. *KALAM Papers: Crisis in Islamic Architecture*, Johor Bahru: Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu (KALAM), hlm. 2.
- Tajuddin M Rasdi, Mohd dan Nangkula Utaberta. 2003. *Muslim Architecture in Peninsular Malaysia: Classification of styles and Probable Socio-Political Influence of Mosques*. *KALAM Papers*. UTM Skudai.
- Tajuddin M Rasdi, Mohd (2003). *KALAM Papers: Crisis in Islamic Architecture*. Johor Bahru: Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu (KALAM).
- Tajuddin M Rasdi, Mohd, 2003, *Hadith and Mosque: Hadith As a Guide In Designing Mosques*, UTM.
- Tajuddin M Rasdi, Mohd dan Alice Sabrina Ismail, *An alternative discourse on Islamic Architecture: The Compatibility of Wright's Architecture With the Sunnah*, proceedings of 2nd International Modern Asian Architecture Network, page 225.
- Tajuddin M Rasdi, Mohd. 1999. *Peranan, Kurikulum dan Reka Bentuk Masjid Sebagai Pusat Pembangunan Masyarakat*. Skudai. UTM. hlm. 138., 1998, *The mosque as a community development centre: programme and architectural design guidelines for contemporary muslim societies*. Tesis Sarjana. UTM Skudai.
- Utaberta, Nangkula. 2009. *Pemikiran Seni Bina Islam Modern Di Nusantara Pada Abad Ke-20*. Tesis PhD. UTM Skudai.
- Utaberta, Nangkula. 2004. *Pendekatan Seni Bina Islam Berlandaskan Al-Qur'an Dan Al-Sunnah: Meneliti Kesesuaian Dari Idea-Idea Reka Bentuk Organik Frank Lloyd Wright*. Tesis sarjana, UTM Skudai.
- Utaberta, Nangkula (2003). *KALAM Papers: Makna dan Arti Keindahan dalam Arsitektur Islam*. Johor Bahru: Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu (KALAM).
- Utaberta, Nangkula (2003). *KALAM Papers: Peranan Penting Pemakaman dalam Arsitektur Islam*. Johor Bahru: Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu (KALAM).

Lampiran



Gambar 2: Masjid Sultan Abdul Samad (www.google.com)



Gambar 3: Masjid UKM, Bangi (Kajian Lapangan)



Gambar 4: Koridor utama yang menghubungkan ruang solat Muslimat dengan tandas, bilik wudhuk dan juga bilik mandi jenazah di Masjid Universiti Kebangsaan Malaysia.



Gambar 5: Laluan ke dalam Masjid UKM didapati tidak mesra OKU (Kajian Lapangan)



Gambar 6: Masjid Al-Ghufran di Taman Tuan Dr. Ismail (Kajian Lapangan)



Gambar 7: Masjid Tengku Sulaiman, Bentong, Pahang (Kajian Lapangan)



Gambar 8: Masjid Tuanku Mizan, Putrajaya (www.google.com)



Gambar 9: Masjid kampung Air Mati, Perak (www.google.com)



Gambar 10: Masjid Kristal, Pulau Wan Man, Terengganu (www.google.com)